



# PERBAHATHAN PARLIMEN

## DEWAN NEGARA (SENATE)

### PENYATA RASMI

### (DEWAN NEGARA YANG KEDUA PENGGAL KELIMA)

#### KANDONGAN-NYA

#### RANG UNDANG<sup>2</sup>:

- Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan, 1969 (Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga) [Ruangan 1423]
- Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan Tambahan, (1968) [Ruangan 1439]
- The Development Funds (Amendment) Bill [Ruangan 1442]
- The Loan (Local) Amendment Bill [Ruangan 1443]
- Rang Undang<sup>2</sup> Sharikat<sup>2</sup> Meminjam [Ruangan 1444]
- The Customs (Amendment) Bill [Ruangan 1445]
- The Income Tax (Amendment) Bill [Ruangan 1447]
- Rang Undang<sup>2</sup> (Pindaan) Galakan Pelaboran [Ruangan 1447]
- The Stamp (Amendment) Bill [Ruangan 1450]
- The Accountants (Amendment) Bill [Ruangan 1451]
- The Supplementary Income Tax (Amendment) Bill [Ruangan 1452]
- The Central Bank of Malaysia (Amendment) Bill [Ruangan 1456]
- Rang Undang<sup>2</sup> Kumpulan Wang Antarabangsa (Pengesahan Pindaan Perkara<sup>2</sup> Perjanjian) [Ruangan 1458]
- Rang Undang<sup>2</sup> (Pindaan) Majlis Amanah Ra'ayat [Ruangan 1459]
- Rang Undang<sup>2</sup> Lembaga Urusan dan Tabong Haji [Ruangan 1469]
- Rang Undang<sup>2</sup> Bank Pertanian Malaysia [Ruangan 1472]
- The Hire Purchase (Amendment) Bill [Ruangan 1483]
- Rang Undang<sup>2</sup> Hak Chipta [Ruangan 1484]
- The Companies (Amendment) Bill [Ruangan 1489]

**KANDONGAN—(samb.)****RANG UNDANG<sup>2</sup>—(samb.)—**

- Rang Undang<sup>2</sup> Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia [Ruangan 1490]**
- The Co-operative Societies (Amendment) Bill [Ruangan 1495]**
- The Pensions (Temporary Provisions) (Sarawak) Bill [Ruangan 1501]**
- The Widows and Orphans Pension (Amendment) Bill [Ruangan 1502]**
- The Sabah Ports Authority (Consequential Provisions) (Amendment) Bill [Ruangan 1503]**
- Rang Undang<sup>2</sup> Keselamatan Sosial Pekerja [Ruangan 1505]**
- Rang Undang<sup>2</sup> Pendaftaran Penjenayah dan Orang<sup>2</sup> Yang Tak Di-ingini [Ruangan 1517]**
- The National Land Code (Amendment) Bill [Ruangan 1519]**
- The Poisons (Sodium Arsenite) (Amendment) Bill [Ruangan 1529]**

**USUL<sup>2</sup>:**

- Waktu Meshuarat dan Urusan Yang Di-Bebaskan daripada Peratoran Meshuarat [Ruangan 1528]**
- Penangohan [Ruangan 1530]**

MALAYSIA  
**DEWAN NEGARA (SENATE)**

*Penyata Rasmi*

Jilid V

Dewan Negara Yang Kedua Penggal Kelima

No. 9

*Hari Rabu, 26hb Februari, 1969*

*Persidangan bermula pada pukul 9.30 pagi*

YANG HADHIR

- Yang Berhormat Yang di-Pertua, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, P.M.N., S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P. (Di-lantek).
- „ Menteri Ta' Berjabatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Di-lantek).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN AHMAD (Perlis).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED YASIN, S.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN, P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Di-lantek).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).
- „ DATU JOSEPH AUGUSTINE ANGIAN ANDULAG, P.D.K. (Sabah).
- „ TUAN AWANG DAUD MATUSIN (Di-lantek).
- Yang Berbahagia TAN SRI DATU TUANKU BUJANG BIN TUANKU HAJI OTHMAN, P.S.M., O.B.E. (Sarawak).
- Yang Berhormat TUAN CHAN KEONG HON, A.M.N., S.M.S., P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN CHAN KWONG-HON, J.M.N., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., S.P.M.P., J.P. Dato' Kurnia Indera (Di-lantek).
- „ DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Di-lantek).
- Yang Berbahagia TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M. (Di-lantek).
- Yang Berhormat TUAN GOH CHEK KIN, P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HONG KIM SUI, A.D.K. (Di-lantek).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YA'ACOB (Selangor).
- „ TUAN ANDREW JIKA LANDAU (Di-lantek).
- „ TUAN KOH KIM LENG (Melaka).
- „ DATO' Y. T. LEE, D.P.M.S., J.M.N., P.J.K., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN LIM HEE HONG, J.M.N., J.P. (Di-lantek).

- Yang Berhormat TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN MD. HANIPAH BIN S. ALAUDIN, A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Di-lantek).
- „ Dato' Kurnia Penglima Raja, NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pahang).
- „ NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N. (Di-lantek).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN SAIDON BIN KECHUT, A.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN K. R. SOMASUNDRAM, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN SYED DARUS BIN SYED HASHIM (Perlis).
- „ TUAN SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN WILLIAM TAN (Di-lantek).

Yang Berbahagia TAN SRI T. H. TAN, P.M.N. (Di-lantek).

- Yang Berhormat DATO' S. O. K. UBADULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Di-lantek).
- „ DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATO' WAN MUSTAPHA BIN HAJI WAN ALI, D.J.M.K. (Kelantan).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
- „ TUAN YEOH KIAN TEIK (Perak).

YANG TIADA HADHIR

- Yang Berhormat Menteri Ta' Berjabatan, Yang Berbahagia TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDUL MANAP, P.P.N. (Melaka).
- „ TUAN CHEAH SENG KHIM, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ DATO' O. K. K. INDAN BIN KARI, P.D.K. (Di-lantek).
- „ TUAN C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN G. LOUIS, A.M.N. (Di-lantek).
- „ DATO' HAJI PENGIRAN MOHD. DIGADONG GALPAM, P.D.K. (Sabah).
- „ DATO' ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Di-lantek).
- „ TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, M.B.E. (Sarawak).
- „ DATO' E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Di-lantek).

YANG HADHIR BERSAMA

- Yang Berhormat Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).

## DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

RANG UNDANG<sup>2</sup>RANG UNDANG<sup>2</sup> PERBEKALAN,  
1969

## Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Atoran Urusan Meshuarat di-bacha menyambong sa-mula Perbahathan atas Masaalah:

“Bahawa Rang Undang<sup>2</sup> ini di-bachakan kali yang kedua sekarang.” (25hb Februari, 1969).

**Menteri Ta' Berjabatan (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak-lah tahu-menahu tentang tuduhan yang di-bangkitkan oleh Senator Amaluddin Darus yang mengatakan Kedutaan Soviet Union telah mengedarkan surat<sup>2</sup> atau pun risalah<sup>2</sup> dalam sekolah<sup>2</sup> menengah di-negeri ini. Mengikut peratoran-nya segala Kedutaan yang ada di-Malaysia telah di-beri tahu oleh Kerajaan, sa-barang risalah<sup>2</sup>, buku<sup>2</sup> yang hendak di-sampaikan kepada sekolah<sup>2</sup> hendak-lah terlebih dahulu mendapat kebenaran atau pun melalui Kementerian Pelajaran. Jika sa-kiranya Ahli Yang Berhormat dapat menunjukkan bukti bahawa risalah<sup>2</sup> itu di-taborkan, maka Kementerian Pelajaran sangat-lah mengalu<sup>2</sup>kan.

Senator Koh Kim Leng dari Melaka mengharapkan supaya jumlah penuntut di-Universiti Malaya yang ada pada hari ini di-naikkan daripada 5,000 kepada 7,000 orang. Ini memang-lah menjadi tujuan Kerajaan dan akan di-jalankan dengan chara beransor<sup>2</sup>.

Permintaan yang di-buat oleh Yang Berhormat Tok Pangu Pandak Hamid mengadakan sa-buah jambatan dikampong-nya, saya sendiri akan mengambil tahu hal ini dan akan memberi jawapan dengan sa-berapa chepat yang boleh.

Yang Berhormat Senator Bibi Aishah tidak puas hati kerana penuntut<sup>2</sup> Institute Technology MARA di-beri makan sandwiches pada waktu tengah hari. Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri

telah pergi makan bersama<sup>2</sup> dengan penuntut<sup>2</sup> ini dan saya berasa puas hati di-atas makanan yang di-hidangkan kepada penuntut<sup>2</sup> tersebut.

Zat<sup>2</sup> makanan yang di-berikan kepada penuntut<sup>2</sup> tidak-lah kurang sa-kali pun mereka tidak di-beri makan nasi pada tengah hari. Tujuan di-buat bagitu ia-lah kerana hendak mereng-kaskan masa, dengan memakan sandwiches penuntut<sup>2</sup> boleh mengambil makanan dan di-bawa balek ka-bilek masing<sup>2</sup> atau dudok di-mana<sup>2</sup> sahaja mereka suka dan tidak banyak kerja yang hendak di-buat sa-lepas daripada itu, kerana tidak payah menchuchi pinggan mangkok dan sa-bagai-nya lagi dan oleh kerana latehan yang di-beri di-College itu satu intensive training di-mana penuntut<sup>2</sup> di-kehendaki bekerja keras dan tidak membuang masa, maka dengan makanan sandwiches ini mereka tidak-lah mengantok sa-lepas daripada makan dan sambil<sup>2</sup> makan mereka boleh juga bermutala'ah, berbual sama sendiri yang boleh mendatangkan faedah kepada mereka itu. Sa-panjang yang saya tahu tidak-lah ada sungutan daripada penuntut<sup>2</sup>, tetapi kalau ada sa-orang berdua yang tidak puas hati memang-lah tiap<sup>2</sup> satu perkara yang baharu itu ada menunjukkan reaksi yang kurang senang daripada mereka yang menerima-nya.

Bagitu juga berkenaan dengan Taylor's College yang di-sebutkan kerana mahal harga bayaran bagi sa-saorang penuntut di-situ. Oleh kerana College ini bukan-lah di-bawah pentadbiran Kerajaan sa-panjang yang saya tahu, kalau tidak silap saya, maka tentu-lah Kerajaan tidak berbuat apa<sup>2</sup> melainkan terpulang-lah kepada ibu bapa sendiri sama ada mahu menghantar anak<sup>2</sup> mereka masuk ka-College tersebut atau tidak.

Rasa tidak puas hati memang ada berbangkit di-kalangan peserta<sup>2</sup> tanah dalam Ranchangan Tanah F.L.D.A. ia-itu dalam soal memotong wang hutang yang hendak di-bayar balek kepada Kerajaan. Mereka telah pun di-beri tahu oleh Lembaga F.L.D.A., jika sa-kiranya bayaran dapat di-buat dengan banyak pada tiap<sup>2</sup> bulan, maka

gunakan jambatan<sup>2</sup> itu ada-lah orang<sup>2</sup> ramai yang tidak menjalankan perdagangan. Jadi saya suka memberi tahu Ahli Yang Berhormat kalau sa-kira-nya Kerajaan Perikatan boleh tidak mengenakan bayaran kepada jambatan<sup>2</sup> di-Trengganu, di-Pahang apa sebab di-Negeri Kelantan yang ra'ayat-nya miskin itu hendak di-kenakan juga bayaran 50 sen ini.

Saya suka meminta kepada Ahli Yang Berhormat kalau boleh hapuskan langsung bayaran 50 sen yang ada di-Kelantan itu. Berkenaan dengan industrial estate yang konon di-chadangkan di-Kelantan itu, saya suka menjawab di-sini, Kerajaan Pusat tidak ada melarang sedikit pun negeri<sup>2</sup> memajukan perindustrian dalam negeri masing<sup>2</sup>, dan Kerajaan Pusat sedia memberikan pinjaman wang untuk Kerajaan Negeri mengadakan industrial estate. Tetapi sa-lama ini kalau tidak silap saya, tidak ada permintaan daripada Kerajaan Negeri Kelantan untuk pinjaman kerana mendirikan industrial estate ini dan saya suka menasihatkan kepada Ahli Yang Berhormat sa-belum dia membuat industrial estate hendak-lah kajian di-buat lebeh dahulu sama ada kompeni<sup>2</sup> yang suka hendak pergi ka-Negeri Kelantan ini. Kerana Kerajaan Pusat tidak boleh memaksa industry<sup>2</sup> pergi membuka kilang<sup>2</sup> di-satu<sup>2</sup> tempat chuma yang dapat di-buat oleh Kerajaan Pusat ia-itu mengadakan incentive ia-itu jika sa-kira-nya kilang itu di-dirikan di-Kuala Lumpur, di-beri chukai perchuma atau holiday tax itu sa-lama lima tahun, tetapi jika mereka pergi ka-Pantai Timor, maka di-beri mereka itu peluang itu tidak membayar chukai sa-lama lapan tahun. Ini sahaja satu incentive yang di-berikan kepada industry<sup>2</sup> untuk pergi ka-Pantai Timor.

Kemudian beliau juga menyatakan MARA dan FAMA telah rugi. MARA dan FAMA bukan badan perniagaan, maka sebab itu soal untong dan rugi tidak timbul sama sa-kali. FAMA dapat wang, MARA dapat wang daripada Kerajaan, di-belanjakan untuk faedah ra'ayat dan bukan untuk faedah FAMA atau pun faedah MARA.

Tetapi sa-panjang yang Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat saksikan pada hari ini MARA telah chukup maju dan bagitu terang sa-kali ia-itu Kerajaan Fiji telah pun menulis surat kepada Tunku Perdana Menteri meminta sa-orang pegawai daripada MARA pergi ka-Fiji untuk menolong menubuhkan sa-buah badan yang sa-rupa macham MARA di-Malaysia ini untuk membantu kemiskinan ra'ayat bumiputera di-negeri itu yang sama nasib-nya saperti orang<sup>2</sup> Melayu di-tanah ayer kita ini, dan pegawai itu akan bertolak pergi ka-negeri Fiji pada awal bulan hadapan dan beliau boleh tinggal sa-berapa lama yang di-kehendaki oleh Ratu Mara, Ketua Menteri Fiji, bukan sebab dia sukakan MARA ini kerana nama-nya Ratu Mara, Tuan Yang di-Pertua, tetapi memang dia sayang kepada MARA di-Malaysia ini, dia suka kepada MARA di-Malaya ini, dan kalau sa-kira-nya MARA dan FAMA yang di-jalankan oleh Perikatan ini tidak berguna saya suka menjemput Kerajaan Kelantan, Kerajaan PAS buat sendiri FAMA dan MARA sendiri, bantu-lah ra'ayat Kelantan itu sa-berapa yang boleh, tunjukkan MARA dan FAMA yang di-buat oleh Kerajaan PAS lebeh baik daripada MARA dan FAMA yang di-buat oleh Kerajaan Perikatan. Tidak guna kita hendak hentam<sup>2</sup> orang sahaja sedangkan kita satu pun tidak buat dalam negeri itu.

Kemudian di-sebut lagi soal Perdana Menteri kita memberi ucapan di-London berhubung dengan soal Rhodesia Selatan dan Afrika Selatan. Pendirian kita tetap, yang pertama sa-kali menyokong mana<sup>2</sup> sahaja negeri yang menuntut kemerdekaan negaranya dengan sa-berapa-daya yang boleh. Tentang nasib kulit hitam di-Afrika Selatan, mereka ini berada dalam sa-buah negeri yang telah merdeka yang telah di-aku<sup>2</sup> oleh United Nations. Maka pendirian kita dalam soal ini ialah menentang dengan sa-keras<sup>2</sup>-nya perbuatan Afrika Selatan kerana membunuh orang<sup>2</sup> kulit hitam di-negeri itu. Tetapi berkenaan dengan Rhodesia, sa-buah negeri yang belum lagi menjadi ahli Bangsa<sup>2</sup> Bersatu dan ini menjadi

tanggung-jawab British lagi untuk menyelesaikan soal ini. Dan kita sedar bahawa British tidak akan mahu menggunakan kekerasan dalam negeri itu dan perkataan yang di-sebutkan oleh Tunku itu bukan-lah berma'ana satu ucapan yang longgar tetapi memang beliau telah tahu beliau tidak mahu menipu diri-nya, beliau tidak mahu berpura<sup>2</sup>, memang beliau tahu bahawa ra'ayat British tidak akan menggunakan kekerasan di-Rhodesia, tetapi sabalek-nya Tunku berkata bahawa British bertanggung-jawab dan British mesti menyelesaikan dengan sa-berapa chepat yang boleh soal Rhodesia dengan apa juga chara jalan yang boleh.

Tunku Perdana Menteri kita telah membayangkan bahawa ketuaan atau leadership Kerajaan British dalam Commonwealth ini telah mulai mundur dan satu daripada sebab-nya ia-lah soal Rhodesia dan Tunku sa-terus-nya menhadangkan supaya Pengerusi Persidangan Commonwealth hendak-lah di-gilir<sup>2</sup>kan daripada satu masa ka-satu masa dan tidak boleh di-pimpin oleh British sa-mata<sup>2</sup>. Ini ada-lah satu pukulan yang keras yang di-buat oleh Perdana Menteri kita terhadap British dengan chara lembut. Jadi tidak-lah ada tempat yang kita hendak tudoh Perdana Menteri kita ini membuat ucapan yang pura<sup>2</sup> dan sa-bagai-nya.

Kemudian timbul tuduhan mengatakan Commonwealth Islam tidak dapat di-tubuhkan. Sama ada Commonwealth Islam dapat tuboh atau tidak, tetapi pahala yang di-dapati oleh Perdana Menteri kita tetap tidak akan berubah. Kalau tidak perchaya Amaluddin Darus boleh buka-lah mana<sup>2</sup> kitab Quran atau pun Hadith Nabi, kerana Tuhan memberikan pahala itu ia-lah memandang kapada niat sa-saorang. Jadi tujuan Perdana Menteri kita itu memang elok hendak mendirikan Commonwealth Islam, kemudian tidak dapat Commonwealth Islam, kita adakan persidangan<sup>2</sup>. Kita harap semua negeri akan datang, tetapi kalau semua negeri tidak mahu datang, separoh yang datang, kita tidak boleh paksa negeri<sup>2</sup> itu mesti datang. Tetapi walau pun

mereka tidak mahu datang langsung, tetapi tetap Tuhan akan memandang perbuatan ini satu perbuatan yang baik dan kalau sa-kira-nya pokok ini tidak berbuah pada hari ini, boleh jadi anak<sup>2</sup> chuchu kita yang akan datang akan dapat menyambung-nya. Pendek kata kita telah menjalankan kewajipan sa-berapa daya yang kita boleh buat.

Tuduhan mengatakan memberi Peace Corps Amerika ini terdiri daripada orang Yahudi sa-banyak sa-belas orang, saya tidak tahu bagaimana-kah chara-nya Ahli Yang Berhormat ini dapat menyiasat datok nenek member Peace Corps ini sa-hingga dia tahu orang<sup>2</sup> ini daripada keturunan Yahudi. Jadi sa-panjang yang saya tahu ra'ayat Amerika itu ada-lah keturunan daripada beberapa bangsa yang datang dari Eropah termasuk juga orang Yahudi dan sa-bagai-nya. Tetapi mereka itu telah di-kira sa-bagai ra'ayat Amerika dan apabila mereka datang ka-mari, kita yakin mereka boleh berkhidmat dengan baik, tetapi kalau sa-kira-nya di-dapati mereka berkhidmat tidak betul, menyeleweng daripada tujuan asal, maka kita akan mengambil langkah mengeluarkan mereka itu.

Ahli Yang Berhormat ini jika sa-kira-nya dapat menerangkan orang<sup>2</sup> yang menyeleweng, merugikan, mero-sakkan negeri kita, maka Kerajaan menguchapkan terima kaseh, dan akan mengambil tindakan yang chepat.

Penghabisan sa-kali saya suka menjawab Ahli Yang Berhormat itu mengatakan soal kebudayaan, kebudayaan negeri kita ini tidak dapat di-satukan. Memang tidak ada siapa yang memaksa semua bangsa menerima satu kebudayaan dengan serta-merta di-mana<sup>2</sup> sahaja negeri dalam dunia ini. Nasib baik di-Malaysia ini di-bawah pemerintah Kerajaan Perikatan, maka perlahan<sup>2</sup> dapat-lah juga kita menengok perubahan telah bangkit di-manya nyonya<sup>2</sup> telah mula pakai baju kebaya dan pakai kain batek, ada-lah juga yang telah mula makan pakai tangan dan tidak chop-stick, yang makan belachan pun sudah banyak. Berdondang-sayang pun sudah banyak.

Chuma yang saya belum dapat tengok lagi orang India pakai kain batek. Saya harap hal ini pun dapat kita lihat tidak berapa lama lagi. Soal kebudayaan ini bukan-lah satu perkara yang boleh di-paksa<sup>2</sup> kapada ra'ayat. Perkara ini akan timbul dengan sendiri, Kementerian Kebudayaan hanya chuba merapatkan sahaja kebudayaan ketiga<sup>2</sup> bangsa ini dan perlahan<sup>2</sup> jenerasi kita yang akan datang, saya perchaya akan dapat membentok satu kebudayaan.

Enche' Amaluddin Darus menchadangkan apa-kah salah-nya kalau tarian singa itu di-jadikan kebudayaan kebangsaan. Saya suka-lah Ahli Yang Berhormat ini berchakap demikian di-khalayak ramai di-Kelantan, bukannya dalam Dewan ini menyatakan bahawa beliau setuju tarian singa itu di-jadikan tarian kebudayaan kebangsaan kita. Dan saya menchadangkan juga supaya Ahli Yang Berhormat itu orang yang pertama memikul singa. Terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua.

#### Bachaa Kali Yang Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan, 1969, di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

### RANG UNDANG<sup>2</sup> PERBEKALAN TAMBAHAN (1968)

#### Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Menteri Ta' Berjabatan (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan bahawa Rang Undang<sup>2</sup> yang bernama

“suatu Act bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Yang di-Satukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1968 dan bagi memperuntokkan wang itu bagi maksud<sup>2</sup> yang tertentu” di-bacha bagi kali yang kedua.

Fasal 2 Rang Undang<sup>2</sup> ini meminta kelulusan perbelanjaan tambahan sebanyak \$4,305,620 kerana perkhidmatan bagi tahun 1968, dan perbelanjaan<sup>2</sup> ini ada tersebut dalam Jadual kapada Rang Undang<sup>2</sup> dan juga dalam bahagian “Bekalan” Anggaran Perbelanjaan Tambahan Kedua, 1968 yang di-bentang sa-bagai Kertas Perintah No. 8 tahun 1969. Daripada jumlah tambahan yang di-kehendaki itu sa-banyak \$4,280,410 telah pun di-dahulukan daripada Kumpulan Wang Perbelanjaan Luar Jangka untuk perbelanjaan yang hendak di-segerakan, dan jumlah ini kena-lah di-ganti balek kapada Kumpulan Wang itu. Daripada jumlah \$57,277,372 yang termasuk dalam Anggaran Tambahan ini, sa-banyak \$52,971,752 ia-lah wang yang di-kehendaki bagi perbelanjaan “tanggungan” yang mana tidak berkehendakkan kelulusan di-bawah Rang Undang<sup>2</sup> ini.

Jumlah perbelanjaan yang telah di-luluskan dalam anggaran asal bagi tahun 1968 ia-lah \$1,932 juta. Apabila di-champorkan perbelanjaan “bekalan” dan perbelanjaan “tanggungan” yang telah di-luluskan dalam Anggaran Tambahan Pertama dengan jumlah yang di-minta dalam Anggaran Tambahan ini, maka peruntokan bagi tahun 1968 akan berjumlah \$1,999.4 juta semua-nya, akan tetapi perbelanjaan yang sa-benar-nya di-jangka berjumlah lebeh kurang \$1,950 juta.

Ada 5 butir perbelanjaan “tanggungan” yang besar dalam Anggaran Tambahan ini, ia-itu \$21.3 juta untuk bayaran faedah di-atas pinjaman<sup>2</sup> dalam Negeri, \$6.5 juta untuk bayaran penebus Treasury Bill, \$7.6 juta untuk bayaran kapada Kerajaan Amerika Sharikat kerana pinjaman harga helikopter, \$13 juta untuk bayaran balek chukai kastam dan chukai eksais dan \$4.2 juta untuk bayaran ganjaran di-

bawah Peratoran Penchen. Tambahan<sup>2</sup> ini tidak dapat di-elakkan oleh kerana jumlah<sup>2</sup> yang di-kehendaki tidak dapat di-tentukan atau tidak dapat di-taksir dengan tepat-nya pada masa menyediakan anggaran asal bagi tahun 1968.

Berkenaan dengan perbelanjaan "bekalan" dalam Anggaran ini, tambahan yang besar ia-lah di-bawah Kepala 16—Kementerian Pertahanan, sa-banyak \$1.16 juta bagi maksud perbelanjaan chawangan Pejabat Pasokan Pertahanan Tempatan dan Jabatan Khidmat Negara di-Negeri Sabah. Kerajaan Negeri Sabah telah berse-tuju mengganti balek perbelanjaan ini.

Kepala B. 24 berkehendakkan sa-banyak \$0.58 juta yang di-untukkan kepada Kumpulan Wang Pinjaman Pertanian Jangka Pendek kerana memberi pinjaman kepada petani<sup>2</sup> yang mengambil bahagian dalam perchubuan penanaman padi dua kali sa-tahun dalam Ranchangan Taliayer Sungei Muda. Penubohan Kumpulan Wang ini telah di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat dalam persidangan-nya pada 18hb Januari, 1968.

Kepala B. 20—Kementerian Luar Negeri, berkehendakkan sa-banyak \$9.57 juta dan daripada jumlah ini \$0.35 juta ia-lah untuk perbelanjaan yang berulang dan perbelanjaan khas bagi Pejabat Kedutaan yang baharu di-tubuhkan di-Moscow, dan sa-banyak \$190,000 untuk perbelanjaan rombongan yang menghadziri Persidangan di-Bangkok berkenaan dengan tuntutan Philipina ka-atas Sabah, dan juga perbelanjaan lawatan Perdana Menteri ka-Indonesia dan London dan lawatan Timbalan Perdana Menteri ka-Eropah dalam tahun 1968.

Kepala B. 32—Imigresen, berkehendakkan sa-banyak \$0.45 juta untuk bayaran gaji kaki-tangan dan lain<sup>2</sup> perbelanjaan bagi persediaan untuk melaksanakan sa-bahagian daripada Perjanjian Lalu-lintas Sempadan di-antara Malaysia dengan Indonesia dan Malaysia Timor.

Butir<sup>2</sup> perbelanjaan yang lain yang tidak saya sebutkan tiada begitu besar jumlah-nya, dan perbelanjaan<sup>2</sup> ini ada

di-terangkan dalam Memorandum Per-bendaharaan yang di-bentang sa-bagai Kertas Perintah No. 9 tahun 1969.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua.

#### Bachaa Kali Yang Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencha-dangkan Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan Tambahan (1968), di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-pututskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

### THE DEVELOPMENT FUNDS (AMENDMENT) BILL

#### Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencha-dangkan supaya satu Rang Undang<sup>2</sup> untuk meminda Act Kumpulan Wang Pembangunan, 1966 di-bacha bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak menerangkan dengan lebeh lanjut kerana Rang Undang<sup>2</sup> ini telah pun di-rujokkan kepada Kerajaan Negeri dan semua-nya telah memberi perse-tujuan kepada pindaan yang di-cha-dangkan itu.

Pengurusan Kumpulan Wang Per-bekalan Ayer bagi tiap<sup>2</sup> negeri ada-lah tertarek kepada Undang<sup>2</sup> Kewangan, 1957 dan peratoran<sup>2</sup> atau arahan<sup>2</sup> yang di-keluarkan di-bawah-nya.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengeruskan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 dan 2* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

### THE LOAN (LOCAL) AMENDMENT BILL

#### Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencha-dangkan supaya satu undang<sup>2</sup> yang bernama satu Act untuk meminda Ordinance Pinjaman Dalam Negeri, 1959 hendak-lah di-bacha bagi kali yang kedua-nya.

Kerajaan ada-lah meminjam wang di-dalam negeri dan juga di-pasaran<sup>2</sup> luar negeri untuk tujuan<sup>2</sup> am dan pembangunan. Penerimaan dari pinja-man jangka pertengahan dan jangka panjang dalam negeri yang di-dapati di-bawah Ordinance Pinjaman Dalam Negeri, 1959 ada-lah di-masokkan kepada kira<sup>2</sup> pinjaman di-satukan untuk di-pindahkan kemudian-nya daripada Kumpulan Wang Pembangunan, tetapi semua bayaran balek ada-lah di-kenakan kepada kira<sup>2</sup> hasil yang di-satukan.

Tujuan utama pindaan ini ia-lah untuk meminda Section 5 Ordinance Pinjaman Dalam Negeri, 1959 supaya penerimaan dari pinjaman yang di-dapati di-bawah Ordinance ini boleh pada masa hadapan di-gunakan untuk membayar balek pinjaman jangka pertengahan dan jangka panjang yang chukup tempoh-nya. Ini juga akan membuat tidak perlu lagi di-adakan kumpulan ya'ani chadangan khas bagi tiap<sup>2</sup> pinjaman yang di-dapati melain-

kan jika ia di-kehendaki oleh perjan-jian tertentu oleh pemberi<sup>2</sup> pinjaman itu. Ini ada di-peruntokkan dalam pin-daan kepada Section 12 Ordinance itu.

Pada masa yang sama juga perlu juga di-naikkan had undang<sup>2</sup> jumlah pinjaman dalam negeri yang ada seka-rang sa-banyak \$2,200,000 itu kepada tingkat \$3,700,000. Jumlah pinjaman yang maseh belum di-bayar yang di-dapati dalam pasaran dalam negeri ia-lah \$2,450,000 dan perlu di-naikkan had undang<sup>2</sup> sekarang kerana keper-luan yang berterusan untuk mendapati pinjaman bagi tujuan<sup>2</sup> pembangunan. Di-sini juga di-chadangkan supaya pertorohan pendahuluan yang di-terima oleh Bank Negara dan Perbendaharaan di-benarkan untuk di-gunakan bagi membayar balek pinjaman<sup>2</sup> yang chu-kup tempoh-nya bila masa pembayaran itu jatuh sa-belum satu pinjaman baharu boleh di-dapati.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bacha kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-kan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 6* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

### RANG UNDANG<sup>2</sup> SHARIKAT<sup>2</sup> MEMINJAM

#### Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencha-dangkan supaya satu Act bagi menga-tor dan mengawal kegiatan Sharikat<sup>2</sup> Meminjam hendak-lah di-bacha bagi kali yang kedua-nya.

Pada 'am-nya Rang Undang<sup>2</sup> Shari-  
kat<sup>2</sup> Meminjam ini telah mengikuti  
peruntukan Ordinance Bank, 1958 dan  
di-mana perlu di-buat pindaan yang  
sesuai. Peruntukan<sup>2</sup> tentang lesen  
Atoran<sup>2</sup> dan Pemereksaan Sharikat<sup>2</sup>  
Meminjam ini ada-lah berdasarkan  
peruntukan sa-rupa dalam Ordinance  
Bank, 1958. Lain<sup>2</sup> peruntukan yang  
di-buat khas untok mengawal Sharikat  
Meminjam telah juga di-masokkan.  
Ini ada-lah kerana hendak memper-  
baiki lagi kedudukan perjalanan sha-  
rikat<sup>2</sup> dalam negeri ini pada masa yang  
akan datang.

**Puan Aishah binti Haji Abdul  
Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya  
mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan,  
dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang  
kedua dan di-serahkan kapada Dewan  
sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-  
kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam  
Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-  
kan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 50* di-perentahkan  
menjadi sa-bahagian daripada Rang  
Undang<sup>2</sup>.

Jadual Pertama di-perentahkan men-  
jadi sa-bahagian daripada Undang<sup>2</sup>.

Jadual Kedua di-perentahkan menjadi  
sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan  
tidak ada pindaan: di-bachakan kali  
yang ketiga dan di-luluskan.

## THE CUSTOMS (AMENDMENT) BILL

### Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan  
Yang di-Pertua, saya bangun mencha-  
langkan supaya satu Rang Undang<sup>2</sup>  
pernama an Act bagi meminda Act  
Kastam, 1967 di-bachakan bagi kali  
edua.

Satu keraguan telah timbul atas  
kuasa mengutip chukai ekseptot getah

yang di-ekseptot dari Pulau Pinang  
kerana dengan penggubalan sa-mula  
seluron Sekshen 143, ia-itu sa-olah<sup>2</sup>  
menunjokkan bahawa "tidak ada chu-  
kai ekseptot akan di-kenakan di-atas  
apa<sup>2</sup> barang yang di-ekseptotkan dari  
Pulau Pinang", walau pun chukai  
ekseptot telah di-kutip dan maseh di-  
kutip, atas ekseptot getah dari Pulau  
Pinang itu. Oleh kerana itu, keraguan  
terus berlaku atas kuasa untok mengu-  
tip chukai ekseptot getah dari Pulau  
Pinang semenjak 1hb Disember, 1966.

Rang Undang<sup>2</sup> Kastam (Pindaan)  
1969 yang di-bentangkan di-hadapan  
Yang Berhormat<sup>2</sup> Senator ini tidak-lah  
bertujuan hendak mengenakan chukai  
ekseptot baharu getah dan bijeh timah  
dari Pulau Pinang, tetapi hanya meng-  
adakan kuasa dalam Act Kastam, 1966  
bagi mengutip chukai ekseptot getah  
yang di-ekseptotkan dari Pulau Pinang  
dan juga chara hendak menghapuskan  
penyeludupan bijeh timah dari Malay-  
sia Barat melalui Pulau Pinang.

Tujuan memasokkan bijeh timah  
sa-bagai satu barang yang di-kenakan  
chukai apabila di-ekseptotkan dari  
Pulau Pinang di-bawah Undang<sup>2</sup> Kas-  
tam ada-lah untok menahan penyelu-  
dupan bijeh ini dari Malaysia Barat  
melalui Pulau Pinang.

**Puan Aishah binti Haji Abdul  
Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya  
mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan,  
dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang  
kedua dan di-serahkan kapada Dewan  
sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-  
kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam  
Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-  
kan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* di-perentahkan  
dengan tidak ada pindaan: di-bachakan  
kali yang ketiga dan di-luluskan.

geri dan \$3.00 bagi sharikat<sup>2</sup> membolehkan mereka merayu ka-Mahkamah Tinggi.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

### THE ACCOUNTANTS (AMENDMENT) BILL

#### Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencha-dangkan supaya satu Rang Undang<sup>2</sup> yang bernama an Act to amend the Accountants Act, 1967 di-bacha bagi kali yang kedua.

Pindaan kepada Sekshen 7 Act ini ia-lah untuk membolehkan orang<sup>2</sup> yang tidak tinggal di-Malaysia menjadi ahli Institute Accountant Malaysia dan juga untuk memberi beberapa kemudahan kepada mereka.

Pindaan kepada Sekshen 8 bertujuan untuk mengujudkan perwakilan yang sama daripada Accountant<sup>2</sup> Awam dan Accountant<sup>2</sup> Berdaftar dalam Majlis Institute tersebut. Dalam Act yang ada sekarang tidak terdapat satu peruntokan pun yang membolehkan sa-sa-orang yang tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Institute menolak permintaan-nya menjadi ahli untuk merayu ka-pehak atasan.

Sekshen 12 di-pinda dengan mengadakan peruntokan tambahan untuk

Sekshen 13 di-pinda untuk membolehkan Majlis Institute menerima sa-sacrang yang mempunyai Sijil Persekolahan Tinggi untuk menjadi Accountant Awam atau Berdaftar, jika mereka mempunyai pengalaman yang di-akuai sa-lama empat tahun.

Pindaan kepada Sekshen 17 dan 22 ada-lah bertujuan untuk menjelaskan bahawa sa-sa-orang yang telah berdaftar sa-bagai Accountant Awam mestilah mempunyai tempat tinggal yang utama atau yang tinggal di-Malaysia sa-belum ia di-benarkan menjalankan pekerjaannya sa-bagai Accountant Awam di-Malaysia.

Pindaan kepada Jadual Pertama Act ini ia-lah untuk menyelaraskan dengan pindaan yang di-buat kepada Sekshen 8 manakala pindaan kepada Jadual Kedua ada-lah bertujuan untuk mema-sokkan dua Institute baharu.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 8* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

### THE SUPPLEMENTARY INCOME TAX (AMENDMENT) BILL

#### Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencha-dangkan supaya Rang Undang<sup>2</sup> bernama suatu Act bagi meminda Act

Chukai Pendapatan Tambahan, 1967 di-bachakan kali yang kedua-nya.

Sa-bagaimana Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat sedia ma'alum Undang<sup>2</sup> yang berkaitan dengan cukai pembangunan ada-lah terkandung di-dalam Act Chukai Pendapatan Tambahan. Kadai<sup>2</sup> cukai yang di-kenakan ia-lah 5% atas tiap<sup>2</sup> \$1.00 daripada pendapatan pembangunan, kechuali di-mana sa-saorang itu menjadi rakan dalam perniagaan perkongsian. Bagi perkongsi<sup>2</sup> tersebut suatu cukai minima sa-banyak \$100 sa-tahun ada-lah di-kenakan dengan tidak memandangkan sama ada perkongsi tersebut menerima pendapatan daripada perniagaan-nya itu.

Tujuan cukai minima ini ia-lah untok menchegehah wujud-nya perkongsian palsu yang di-bentok bagi memecah-belahkan pendapatan supaya dapat mengurangkan atau mengelakkan tanggungan cukai. Malang-nya adalah di-dapati bahawa peruntokan ini telah membawa akibat yang burok atas peniaga<sup>2</sup> kechil yang menjadi rakan dalam perniagaan perkongsian yang mendapat sedikit atau pun tidak ada langsung pendapatan daripada perniagaan-nya itu.

Rang Undang<sup>2</sup> ini berchadang untok menghapuskan cukai minima ini dan bagi ganti-nya mengenakan cukai sakadar 5% atas tiap<sup>2</sup> \$1.00 pendapatan pembangunan yang melebehi \$1,000 sa-tahun bagi tiap<sup>2</sup> sa-orang yang menjadi rakan dalam perniagaan perkongsian itu, maka akibat chadangan ini ia-lah jika pendapatan pembangunan-nya itu tidak melebehi \$1,000 sa-tahun, ia tidak akan di-kenakan cukai pembangunan.

Ada juga peruntokan bagi kelepasan Marginal Relief supaya jika pendapatan pembangunan sa-saorang itu hanya-lah sedikit daripada \$1,000 cukai pembangunan-nya ia-lah perbebedaan antara pendapatan pembangunan-nya dengan \$1,000.

Rang Undang<sup>2</sup> ini juga berchadang untok mengemukakan suatu lagi bentuk cukai pendapatan tambahan ia-itu cukai untong berlebehan atas kayu-kayan. Penegahan tersebut ia-lah pene-

gahan sa-banyak sa-paroh daripada jumlah royalty yang di-bayar atau patut di-bayar kepada Kerajaan Negeri kerana mengeluarkan kayu-kayan daripada tanah hutan atau di-mana royalty saperti itu tidak kena di-bayar sa-paroh daripada jumlah cukai export yang telah atau patut di-bayar atas export<sup>2</sup> kayu-kayan yang di-keluarkan itu. Chukai baharu ini akan di-kenakan bagi tiap<sup>2</sup> tahun pentaksiran mulai tahun 1969 atas pendapatan sa-saorang itu daripada kerja<sup>2</sup> mengeluarkan kayu-kayan. Kerja<sup>2</sup> mengeluarkan kayu-kayan ada-lah di-ta'arifkan sa-bagai pengeluar kayu-kayan daripada hutan di-dalam Malaysia atau pemberian atau penyerahan hak<sup>2</sup>, hak<sup>2</sup> istimewa, lesen<sup>2</sup> atau concession, dengan apa nama sa-kali pun untok mengeluarkan kayu-kayan itu dan kerana termasuk segala perusahaan kerja<sup>2</sup> mengilang atau pembuatan kayu-kayan. Chukai ini ia-lah tambahan kapada cukai<sup>2</sup> pendapatan yang mungkin di-kenakan ka-atas sa-saorang itu di-bawah Act Chukai Pendapatan, 1967 bagi tahun taksiran yang berkenaan.

Bagi menentukan keuntongan pekerjaan kayu-kayan untok maksud cukai yang di-chadangkan ini hanya perbelanjaan yang terjamin hak-nya bersangkutan dengan kerja<sup>2</sup> kayu-kayan akan di-beri potongan untok menjamin bahawa keuntongan daripada pekerjaan kayu-kayan itu tidak di-rendahkan bagi mengelakkan cukai dengan chara meninggikan gaji kapada pengarah<sup>2</sup>, Bill ini membuat peruntokan bahawa gaji<sup>2</sup> pengarah yang di-bayar oleh sharikat<sup>2</sup>, controlled company akan dihadkan kapada gaji yang sa-benar-nya yang di-bayar, atau 10% daripada keuntongan yang telah di-laraskan sa-belum di-tolak gaji bagi pengarah yang mana yang lebeh rendah, tetapi terta'alok kapada minima sa-banyak \$20 ribu dan maximum sa-banyak \$25 ribu sa-tahun di-mana terdapat perniagaan perchantuman, integrated business ia-itu di-mana perniagaan itu menerima pendapatan daripada kerja<sup>2</sup> mengeluarkan kayu-kayan dan juga daripada kerja<sup>2</sup> mengilang atau perusahaan kayu-kayan yang di-keluarkan

oleh perniagaan itu sendiri. Kayu-kayan yang di-kilang, atau di-usahakan itu akan di-nilaian mengikut cost atau nilai pasaran yang mana yang lebih rendah untuk menentukan keuntungan perniagaan itu daripada kerja mengeluarkan kayu-kayan. Suatu potongan sa-banyak 10% daripada pendapatan kasar akan di-benarkan dan hanya keuntungan yang lebih daripada potongan ini akan di-kenakan cukai baharu ini di-mana sa-saorang itu mempunyai lebih daripada satu puncha pendapatan daripada kerja<sup>2</sup> mengeluarkan kayu-kayan, cukai ini akan di-kenakan atas jumlah keuntungan daripada tiap<sup>2</sup> satu puncha sa-lepas potongan sa-banyak 10% itu.

Kadar cukai ini ia-lah 10% atas keuntungan kayu-kayan yang lebih daripada 10% tetapi kurang daripada 20% daripada pendapatan kasar yang di-dapati daripada pekerjaan mengeluarkan kayu-kayan. Cukai kadar 20% ada-lah di-kenakan atas keuntungan kayu-kayan yang lebih daripada 20% daripada pendapatan kasar.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya Ahli<sup>2</sup> Dewan ini tidak ada yang menjadi ahli<sup>2</sup> perniagaan kayu-kayan yang hendak membantah cukai ini dan saya perchaya Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat suka cukai<sup>2</sup> yang lebih banyak dapat di-pungut dan kebanyakan pengeluar<sup>2</sup> kayu-balak tidak ada membantah atas cukai<sup>2</sup> ini, elok-lah saya pendekkan sahaja ucapan dan kita terima Bill ini.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemudian bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-kan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## THE CENTRAL BANK OF MALAYSIA (AMENDMENT) BILL

### Bachakan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun men-chadangkan suatu Act untuk meminda Ordinance Bank Negara Malaysia, 1958 di-bachakan kali yang kedua.

Fasal 2 (b) dan 3 Rang Undang<sup>2</sup> ini memberi kuasa kepada Bank Negara untuk mengambil alih tugas Kerajaan membayar charum kepada Kumpulan Wang Antara Bangsa di-bawah Ordinance Perjanjian Bretton Woods, 1957 dan mengambil tanggung-jawab bayaran<sup>2</sup> charuman sa-terus-nya. Charuman kepada Kumpulan Wang Antara Bangsa ada-lah di-bayar dan di-simpan oleh Bank Negara tiap<sup>2</sup> negeri anggota Kumpulan Wang Antara Bangsa untuk kira<sup>2</sup> mereka sendiri. Langkah ini telah tidak di-buat oleh Malaysia kerana masa Malaysia memasoki Kumpulan Wang Antara Bangsa itu, Bank Negara Malaysia belum di-tubuhkan lagi.

Fasal 2 (a) Rang Undang<sup>2</sup> itu mem-batalkan sekatan dalam Sekshen 28 (3) Ordinance Bank Negara Malaysia, 1958 yang menghadkan penanaman modal oleh Bank Negara kepada saham<sup>2</sup> yang chukup tempoh dalam 5 tahun. Ini akan membolehkan Bank Negara menanam modal dalam saham<sup>2</sup> yang lebih lama masa chukup tempoh-nya kalau saham<sup>2</sup> itu memberi faedah yang lebih tinggi.

Fasal 2 (a) juga membatalkan syarat kepada Sekshen 28 Ordinance Bank Negara Malaysia, 1958 ia-itu sekatan bahawa Bank Negara tidak boleh menanam modal lebih dari 30% dari chadangan luar negeri dalam saham<sup>2</sup> Kerajaan asing. Pindaan yang ber-kaitan dalam Fasal 3 akan membolehkan Bank Negara membeli dan menjual lain<sup>2</sup> saham yang mungkin di-benarkan oleh Menteri Kewangan.

Sampai masa ini Sekshen 28 Ordinance Bank Negara Malaysia memperuntukkan bahawa Bank Negara hanya boleh menanam modal akan chadangan harta luar-nya dalam bentuk emas, mata wang, simpanan bank, harta mudah tunai di-negeri<sup>2</sup> yang di-benarkan oleh Menteri Kewangan, bil<sup>2</sup> Perbendaharaan Kerajaan yang di-benarkan oleh Menteri, bil pertukaran yang di-bayar di-tempat<sup>2</sup> yang di-benarkan oleh Menteri, saham<sup>2</sup> Kerajaan atau saham<sup>2</sup> yang di-jamin oleh Kerajaan atau Lembaga Antara Bangsa yang di-benarkan oleh Menteri. Oleh itu Sekshen 28 menghadkan penanaman modal chadangan harta luar Bank Negara kepada saham<sup>2</sup> yang tetap faedah-nya kerana hendakkan tanaman modal yang lebeh selamat.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengeruskan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 5* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya tempohkan Majlis ini sa-lama 15 minut.

*Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.15 pagi.*

*Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.30 pagi.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengeruskan Meshuarat*)

## RANG UNDANG<sup>2</sup> KUMPULAN WANG ANTARABANGSA (PENGE-SAHAN PINDAAN PERKARA<sup>2</sup> PERJANJIAN)

### Bachan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun men-chadangkan suatu Act untuk meng-adakan peruntokan bagi mengesahkan pindaan<sup>2</sup> kepada Perkara<sup>2</sup> Perjanjian Kumpulan Wang Antara-bangsa, menurut Ketetapan No. 23-5 yang di-luluskan oleh Lembaga Kumpulan Wang Antara-bangsa, pada 31 haribulan Mei, 1968, dan lain<sup>2</sup> perkara yang berkenaan dengan-nya di-bachakan bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang<sup>2</sup> yang ada di-hadapan Dewan ini ia-lah untuk meminda perkara<sup>2</sup> Perjanjian Kumpulan Wang Antara-bangsa, International Monetary Fund. Pindaan<sup>2</sup> ini ada-lah untuk menchapai dua mat-lamat yang besar. Yang pertama pindaan<sup>2</sup> itu akan memperbaiki atoran<sup>2</sup> dan amalan Kumpulan Wang itu berdasarkan kepada perkembangan keadaan dalam ekonomi dunia dan pengalaman yang telah di-perolehi mengenai Kumpulan Wang itu semen-jak perkara<sup>2</sup> Perjanjian Bretton Woods yang asal-nya di-kuat-kuasakan dalam tahun 1944. Kedua pindaan<sup>2</sup> ini akan membolehkan Kumpulan Wang ini menubuhkan satu kemudahan yang baharu yang di-namakan Hak<sup>2</sup> Penge-luaran Khas, Special Drawing Rights.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengeruskan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 6* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

### **RANG UNDANG<sup>2</sup> (PINDAAN) MAJLIS AMANAH RA'AYAT**

#### **Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya menhadangkan Rang Undang<sup>2</sup> suatu Act bagi meminda the Majlis Amanah Ra'ayat Act, 1966 di-bacha kali yang kedua.

Tujuan di-bawa Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-lah kerana hendak menambah ramai ahli<sup>2</sup> yang dudok dalam Majlis MARA daripada 15 orang menjadi 17 orang mengikut sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh keputusan yang di-buat dalam Konggeres Ekonomi Bumiputera yang baharu lalu dahulu.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bill atau pun Rang Undang<sup>2</sup> ini, kerana saya dapati Jawatan-kuasa Lembaga Amanah ini ada-lah satu badan yang merupakan badan yang menguasai atau pun badan yang mentadbirkan, yang menjalankan MARA ini supaya benar<sup>2</sup> dapat berjalan dan menuju kepada matlamat-nya dengan memberi hasil yang memuaskan.

Pada saya kalau boleh bukan sahaja kita tambah dua orang sa-bagaimana yang di-tulis dalam Bill ini ia-itu daripada lima kepada tujuh, tetapi patut-lah kita tambah dengan tambahan yang lebeh<sup>2</sup> lagi supaya dapat kita kumpulkan, supaya kita dapat adakan orang<sup>2</sup> yang benar<sup>2</sup> mempunyai pengalaman, mempunyai fikiran yang dapat menolong Lembaga Amanah Ra'ayat ini supaya dapat lembaga ini benar<sup>2</sup> berjalan mengikut matlamat yang sa-benar-nya.

Pada hari ini sungguh pun Yang Berhormat Menteri Ta' Berjabatan telah mengemukakan dengan sa-chara ringkas-nya keterangan di-atas Bill ini, tetapi saya rasa perlu kita dapat keterangan yang jelas tentang Ahli<sup>2</sup> Lembaga Amanah Ra'ayat yang ada sedia pada hari ini. Umpama-nya, kita patut tahu berapa banyak mereka yang datang daripada Kementerian<sup>2</sup>, berapa banyak mereka yang datang daripada wakil<sup>2</sup> pertubohan<sup>2</sup> atau pun berapa banyak mereka yang datang daripada ahli<sup>2</sup> yang mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam perniagaan dan per-usahaan. Jadi, kalau sa-kira-nya dapat kita menggambarkan kepada Dewan ini berapa banyak mereka yang ada dalam badan itu, maka dapat-lah kita jangka sa-jauh mana-kah badan itu akan bergerak di-masa hadapan nanti. Jadi kalau sa-kira-nya maseh ada kekurangan mereka yang sa-umpama itu di-dalam Lembaga ini, maka patut-lah kita tambah daripada gulongan<sup>2</sup> ahli perdagangan dan perusahaan ini. Saya sebutkan ini bukan-lah bertujuan kerana hendak memasokkan lagi sa-berapa ramai orang Melayu di-dalam badan atau lembaga ini, tetapi tidak-lah kita hendak kirakan Melayu atau pun tidak Melayu, tetapi orang yang mempunyai niat dan keikhlasan yang sa-benar<sup>2</sup>-nya mempunyai pengalaman dalam perusahaan dan perdagangan yang sa-benar<sup>2</sup>-nya yang sanggup memberi pertolongan, memberi fikiran, memberi bimbingan kepada badan ini, maka hendak-lah kita jemput mereka supaya dudok di-dalam badan ini. Kita tidak mahu dengar lagi pada masa hadapan ini mereka berkeriau di-luar di-tepi jalan dan di-kedai kopi menyatak perasaan tidak puas hati-nya di-atas perjalanan badan ini. Kita mahu sa-berapa banyak mereka yang dapat memberi fikiran dan penerangan atau pun memberi tegoran yang membena supaya berada di-dalam Majlis Amanah Ra'ayat ini. Kalau sa-kira-nya kita dapat dengar perkataan<sup>2</sup> yang di-keluarkan oleh peniaga<sup>2</sup> kechil umpama-nya kita dapat mengadakan satu usaha menggabungkan peniaga<sup>2</sup> kechil ini supaya dapat mereka mempunyai satu wakil dalam badan Lem-

baga Amanah Ra'ayat ini supaya dapat wakil mereka itu mengemukakan perasaan penderitaan dan kepahitan mereka da'am chara hidup sa-bagai peniaga<sup>2</sup> kecil. Dan kalau boleh kita hendak adakan wakil<sup>2</sup> daripada dewan perniagaan umpama-nya daripada gabungan dewan perniagaan atau pun daripada wakil badan peng-usaha umpama-nya supaya ahli<sup>2</sup> peng-usaha yang mempunyai pengalaman da'am perkilangan dapat masok dudok da'am badan ini dan memberi fikiran dan pandangan chara mana dapat memajukan satu<sup>2</sup> usaha yang kita hendak jalankan itu. Jadi, kesimpulan saya dalam pandangan saya ini saya rasa perlu-lah kita banyakkkan ahli ini supaya dapat dengan banyak-nya mereka ini dapat-lah kita tapiskan segala pendapat dan fikiran itu untuk menjayakan lagi badan Amanah Ra'ayat ini.

Saya tidak tahu benda yang sa-benar di-dalam badan Amanah Ra'ayat ini, tetapi saya rasa benda yang mustahak sa-kali dalam perniagaan dan dalam perusahaan dalam menjalankan gerakan badan yang sa-umpama ini ia-lah mereka yang berpengalaman dan modal<sup>2</sup> atau pun bahan yang cukup untuk menjalankan perusahaan itu. Umpama-nya kalau ada dalam badan ini wakil daripada Treasury atau Perbendaharaan umpama-nya patut-lah wakil daripada Perbendaharaan itu apabila dia dudok dalam badan Amanah Ra'ayat ini jangan-lah dia memikirkan untuk menjaga chara dan tadbiran kewangan mengikut sa-bagai-mana dia dudok di-Treasury, atau di-Perbendaharaan, sa-patut-nya dia dudok dalam badan Amanah Ra'ayat itu lebeh mengutamakan fikiran dan chara berfikir dan buah fikiran yang di-beri itu mengikut apa kemahuan dan chara kemahuan yang di-kehendaki untuk memajukan badan yang kita katakan itu. Jadi, saya bimbang kalau wakil<sup>2</sup> daripada Kementerian ini mele-behi daripada wakil<sup>2</sup> yang datang dari-pada gulongan peng-usaha dan peniaga, maka wakil<sup>2</sup> da-ri-pa-da Kementerian ini akan meletakkan halangan<sup>2</sup> yang boleh menyekatkan

badan ini bergerak lebeh lancar dan lebeh maju. Umpama-nya kalau ada wakil Treasury, wakil Commerce and Industry, wakil Kementerian ini dan itu mereka itu jangan-lah chuba hendak menghalang gerakan badan Amanah Ra'ayat ini, tetapi hendak-lah memberi dorongan, memberi kemu-dahan, memberi kelonggaran, memberi peruntokan yang lebeh banyak supaya badan ini dapat bergerak maju. Jadi sebab-nya saya dapat membacha dalam akhbar, umpama-nya siaran yang di-ke-uarkan berkenaan dengan modal umpama-nya ada di-peruntokkan lebeh kurang—ini benar atau tidak benar saya pun tidak tahu—saya chuma bacha dalam akhbar sahaja untok peruntokan bagi perusahaan yang hendak di-bena oleh MARA itu di-untokkan \$7 juta. Jadi pada saya kalau hendak membena perusahaan yang begitu banyak \$7 juta tidak cukup. Bagaimana chadangan<sup>2</sup> yang di-kemu-kakan bagi membena kilang<sup>2</sup> di-bawah Amanah Ra'ayat ini kalau \$7 juta saya rasa peruntokan itu sangat kecil berbanding dengan chita<sup>2</sup> yang besar yang kita hendak jalankan itu. Dari-pada penerangan<sup>2</sup> badan Amanah Ra'ayat ini kalau kita hendak buat kilang, satu kilang, dua kilang pun kalau kita tengok kilang di-Petaling Jaya itu satu<sup>2</sup> kilang itu memakan belanja \$10 juta, \$15 juta, itu hendak buat satu dua kilang. Ini kita hendak buat 10 atau 15 kilang dengan \$7 juta saya ingat.....

**Tuan Yeoh Kian Teik:** Sir, on a point of order. I think the Bill here speaks about the composition of the Committee.

**Tuan Yang di-Pertua:** To'long tumpukan atas masaalah yang ada di-hadapan Majlis ini.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap atas principle Bill ini yang berkaitan dengan tambahan ahli dan apa kaitan saya ia-lah ahli ini kalau ramai, kalau ahli ini ramai di-tambahkan dengan di-tambah duit, ahli ini tidak boleh buat kerja juga—jadi ada kaitan dengan kewangan yang saya kata tadi

kerana kewangan ini bukan ahli badan ini sahaja yang boleh bergerak. Tujuan dasar kita adakan Bill ini ia-lah hendak t a m b a h k a n dasar, hendak tambahkan ahli ini untuk kemajuan badan ini. Kalau begitu pandangan saya tidak mahu badan ini kalau tidak chukup wang. Jadi itu-lah ada kaitan pada principle-nya.

Boleh, Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sa-lagi tuan tumpukan atas pindaan ini boleh-lah, jangan lari.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Perkara-nya berkaitan dengan pindaan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan lari sahaja.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masalah ahli badan ini kalau kita tambah, katakan 10, 20 orang ahli dengan orang yang bijak pandai tetapi kita tidak bagi minyak, tidak bagi wang, tidak bagi peruntukan yang chukup dan dia tidak boleh berjalan jadi sia<sup>2</sup> sahaja Bill yang kita bawa ini kalau dia tidak boleh berjalan. Jadi kita pinda Bill ini tujuan hendak menjalankan, hendak melancharkan kerja, hendak dengan lebeh maju lagi. Jadi kalau kita buat pindaan tetapi pindaan itu tidak memberi kesan pergerakan, apa guna pinda. Jadi kita buat pindaan ini kerana hendak melancharkan gerakan badan ini, bagi hendak melancharkan gerakan badan ini bukan sahaja dengan ahli tetapi mesti dengan wang ringgit, wang ringgit yang saya kata tadi tidak chukup kalau \$7 juta untuk perusahaan, sebab satu<sup>2</sup> perusahaan itu mesti memakan belanja yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini banyak kilang<sup>2</sup> yang baharu hendak di-buka dan kilang<sup>2</sup> yang baharu di-buka ini berkehendakkan k a p a d a modal<sup>2</sup> orang bumiputera, bila berkehendakkan modal bumiputera mereka ini menulis-lah kapada MARA untuk mendapatkan modal supaya dapat di-

adakan joint venture atau pun modal daripada Majlis Amanah Ra'ayat. Jadi kalau sa-kira-nya peruntukan kapada MARA ini tidak chukup mana boleh MARA hendak mendirikan kilang-nya sendiri, manakan MARA pula hendak membeli saham<sup>2</sup> dalam kilang<sup>2</sup> yang ada, di-mana-kah MARA hendak meletakkan bumiputera dalam perdagangan dan perusahaan. Jadi masalah wang ini, Tuan Yang di-Pertua, masalah besar, kalau orang kata wang ini tidak menjadi masalah besar, itu karut. Nombor satu wang, nombor dua wang, nombor tiga wang, tidak ada wang tidak boleh buat kerja. Hendak beli ice-cream pun mesti wang—itu dia benda yang besar.

Kalau siapa bijak pandai sa-kali pun tidak bagi wang kapada dia, dia tidak boleh kerja, dia jadi bodoh kalau tidak ada wang dan jadi cherdek kalau dia ada wang. Jadi itu-lah pada pendapat saya tetapi ada sa-tengah orang kata, tidak ada wang pun boleh berniaga. Saya rasa kalau ada orang berniaga dengan tidak bermodal ia-itu dia pasang talipon, dia berniaga dengan talipon sahaja. Tetapi hendak ambil talipon kena ada deposit \$200, \$300—wang juga. Jadi mesti ada modal. Jadi modal tidak boleh lari. Jadi ini-lah saya kata, perkara yang besar yang di-hadapi oleh Majlis Amanah Ra'ayat ini bukan sahaja berkehendakkan k a p a d a orang yang chukup tetapi berkehendakkan kapada wang juga. Pada masa ini MARA mempunyai Pengarah<sup>2</sup>-nya, mempunyai Pengarah<sup>2</sup> dalam berbagai<sup>2</sup> bidan dalam Jabatan ini. Jadi Pengarah<sup>2</sup> ir tentu-lah berkehendakkan kapac sokongan. Kalau benda yang chuku Pengarah ini boleh menjalankan ker nya.

Jadi saya rasa dengan sa-ch rengkas-nya dalam menyokong R Undang<sup>2</sup> ini saya harap bagi pe Treasury dan bagi pehak Kera akan memberi sa-penoh<sup>2</sup> soko kapada Yang Berhormat Me Tuan Abdul Ghafar bin Baba d a l a m pemimpinan-nya di-] Amanah Ra'ayat ini supaya dap Majlis ini meletakkan satu ke

yang baik pada masa hadapan. Sebab kalau Majlis Amanah Ra'ayat ini runtuh berma'ana bumiputera runtuh, kalau Majlis Amanah Ra'ayat ini gagal berma'ana bumiputera gagal. Saya tidak mahu mereka yang ada pada masa ini akan menyalahkan bumiputera apabila Majlis Amanah Ra'ayat ini gagal sebab kesalahan yang masa depan ini hendak digantungkan kepada apa yang kita buat hari ini. Kalau sokong, kalau kewangan kalau apa yang ada pada Kerajaan hari ini tidak di-berikan sa-penoh-nya kepada MARA dia hendak menyalahkan k a p a d a bumiputera dalam masa 10 atau 15 tahun ka-hadapan ini, saya rasa ini tidak benar—tidak betul sa-kali.

Jadi saya harap sa-berapa yang boleh, kesemua Kementerian dan kesemua pehak yang berkenaan hendak-lah memberi sokongan yang penoh. Bukan sahaja bagi pehak Kementerian bahkan bagi ahli<sup>2</sup> perniagaan sendiri, ahli<sup>2</sup> perniagaan, ahli per-usahaan daripada bangsa orang China, daripada orang India, daripada orang Eropah, kesemua-nya hendak-lah memberi sokongan kepada MARA ini. Sebab orang Melayu tidak boleh duduk tegap dalam perniagaan kalau tidak dapat sokongan, kalau tidak ada sokongan dan pertalian perniagaan itu dengan pehak orang yang bukan Melayu. Kalau orang bukan Melayu tidak dapat memberi sa-paroh dari-ada atau pun sa-bahagian daripada nu-nya yang ada itu, sa-bahagian daripada modal yang ada-nya itu, sa-bahagian daripada kebolehan-nya itu kepada orang bumiputera dalam per-angangan dan perusahaan, jangan kita ap bumiputera dalam perniagaan sa-hilangan ini akan berjaya dalam 10 atau 15 tahun ini. Jikalau sa-kira-nya 10 atau 15 tahun lagi gagal masa 10 atau 15 tahun lagi jangan menyalahkan bumiputera, menyalahkan mereka yang memberi sokongan mereka yang memberi bantuan dan sokongan kerjasama itu. Sekian, terima

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan angka 5 menjadi 7 saya perchaya ahli Lembaga telah menjadi 15—jadi daripada 15 orang menjadi 17.

Saya hendak minta penjelasan daripada Menteri yang berkenaan, apa-kah bukti-nya yang menunjukkan bahawa 15 orang ahli ini tidak menchukupi dan apa-kah bukti-nya yang mengatakan bahawa jikalau menjadi 17 ahli itu boleh menjadi chukup, kerana saya takut barangkali tahun hadapan pula Menteri kata 17 tidak chukup kita patut-lah tambah angka 20. Jadi dengan sebab itu kita terpaksa-lah kena pinda dari sa-tahun ka-satahun angka<sup>2</sup> ini. Itu-lah saya minta penje-lasan.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, mula<sup>2</sup> saya meng-ucapkan terima kaseh kepada Senator Nik Hassan yang telah berchakap tadi, jadi dapat-lah peluang saya dudok berehat sa-kejap, kalau tidak penat juga dudok bangun.

Mula<sup>2</sup> saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Abdul Samad bin Osman. Yang sa-benar-nya ahli yang 15 orang ini sudah chukup. Yang menyebabkan terpaksa di-tambah kepada 17 ia-lah permintaan daripada Dewan Perniagaan Melayu supaya wakil mereka dapat dudok dalam Majlis Amanah Ra'ayat, oleh kerana kerusi yang 15 telah chukup dan tidak-lah patut hendak di-berhentikan orang<sup>2</sup> yang telah sedia ada kerana orang<sup>2</sup> ini semua-nya telah berkhidmat dengan baik, maka dengan sebab itu lebeh baik-lah di-tambah lagi dua. Saya berharap jangan-lah hendak-nya Kongres Ekonomi Bumiputera yang akan datang meminta tambah lagi kerana menyusahkan Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara hendak meminda lagi Perlembagaan MARA ini.

Berkenaan dengan ucapan Yang Berhormat Senator Nik Hassan, ada orang yang tidak puas hati dengan MARA ini—memang betul ada. Yang tidak puas hati itu ada dua pehak: yang pertama orang yang tidak dapat pinjaman duit; yang kedua orang yang

sudah pinjam, tidak bayar balek, jadi harta-nya kena rampas. Ini-lah dua gulungan yang memang tidak puas hati dengan MARA. Jangan kata puak Pembangkang, orang yang datang dari parti saya pun, kalau Nik Hassan tidak dapat pinjam pun, dia pun panas hati juga, tetapi dia belum-lah ada pinjaman lagi.

Berkenaan dengan ahli<sup>2</sup> yang ada di-dalam Majlis sekarang ini mengikut pertanyaan Yang Berhormat Nik Hassan, saya jawab ia-itu mengandongi Pengerusi sa-orang, wakil daripada Kementerian Kewangan sa-orang, sa-orang lagi wakil dari Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, sa-orang wakil daripada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama, dua orang daripada wakil Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, lima orang yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan berkenaan dengan commerce and industry dan empat lagi ahli<sup>2</sup> yang lain—jadi jumlah sembilan orang ahli yang datang daripada orang yang berpengalaman dan empat orang yang lain. Saya suka bachakan ia-itu:

Pengerusi, M.I.D.F.L., Yang Berbahagia Tan Sri Dr Y. C. Foo,  
 Timbalan Setia Usaha, Bahagian Peranchang Iktisad, Jabatan Perdana Menteri, Enche' Thong Yaw Hong,  
 Penasehat Kemajuan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Tan Sri C. G. Ferguson,  
 Yang Berbahagia Tan Sri Syed Jaafar Albar,  
 Yang Berhormat Enche' Jonathan Bangau anak Renang daripada Sarawak,  
 Menteri Hal Ehwal Sabah dari Sabah,  
 Yang Berhormat Enche' S. S. Murugesu dan juga Yang Berhormat Enche' S. Y. Chan,

dan ahli baharu yang dua orang ini, saya beri pengakuan akan di-pileh daripada wakil<sup>2</sup> Dewan Perniagaan Melayu. Wakil<sup>2</sup> daripada peniaga<sup>2</sup> kecil yang di-maksudkan oleh Senator Nik Hassan ada-lah termasuk juga dalam wakil daripada Dewan Perniagaan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Nik Hassan mengatakan jika di-tambah ahli tidak di-tambah wang, kemajuan tidak di-chapai. Memang ada lojik-nya apa yang di-sebutkan-nya itu, maka dengan sebab itu mengikut keputusan Konggres Ekonomi Bumiputera yang baharu lalu, Kerajaan hendak-lah menubuhkan sa-buah badan yang lain yang di-namakan Perbadanan Perindustrian dan Perniagaan. Maka badan itu sekarang ini sedang di-tubuhkan sa-buah Jawatan-kuasa yang di-ketuai oleh Gabenor Bank Negara, sedang membuat peratoran<sup>2</sup> bagaimana hendak menubuhkan satu badan yang baharu. Jadi, MARA pada masa yang akan datang menumpukan tenaga-nya sa-mata<sup>2</sup> untok membantu ahli<sup>2</sup> perniagaan Melayu untok maju dalam perdagangan dan perusahaan dan badan yang kedua, yang saya sebutkan tadi akan menumpukan tenaga-nya menjalankan perniagaan sa-chara langsung. Jadi, MARA tidak lagi menjalankan perniagaan sa-chara langsung pada masa yang akan datang. Kerja ini akan terbahagi kepada dua. Mana<sup>2</sup> kerja yang membantu akan di-jalankan oleh MARA. Mana<sup>2</sup> kerja yang menjalankan perniagaan chara terus, untung atau rugi, akan di-jalankan oleh perbadanan yang baharu.

Jadi dengan chara yang demikian maka jelas-lah pada kita ka-mana arah perjuangan Kerajaan Perikatan hendak menolong memajukan ekonomi bumiputera dan saya perchaya Kerajaan Perikatan telah meletakkan satu batu asas yang sempurna di-negara kita yang berbilang bangsa ini di-mana orang<sup>2</sup> yang bukan Melayu akan jalan terus-menerus dengan tidak di-ganggu perniagaan mereka itu dan bagi pehak orang<sup>2</sup> Melayu ada mempunyai banyak tempat<sup>2</sup> lain lagi, peluang<sup>2</sup> yang boleh memajukan kita sekalian dan kemajuan ekonomi orang<sup>2</sup> Melayu akan datang tidak-lah di-pikulkan kepada MARA sa-mata<sup>2</sup>, sa-kali pun MARA ada mempunyai niat yang baik hendak memajukan bumiputera, jika bumiputera sendiri tidak mahu bergerak ka-hadapan, tidak mempunyai inisiatif langsung, tentu-lah kerja<sup>2</sup> MARA ini tidak akan mendapat kemajuan. Kerja-

sama di-antara MARA dan badan yang baharu saya sebutkan tadi dengan semua bumiputera dan juga pertolongan daripada sahabat<sup>2</sup> kita orang yang bukan Melayu, saya percaya kerja<sup>2</sup> kita akan berjalan dengan baik.

Saya berchadang juga hendak mengadakan perjumpaan selalu di-antara ahli<sup>2</sup> perniagaan Melayu dengan yang bukan Melayu supaya perhubungan yang rapat dalam soal perniagaan yang rapat dapat menolong tujuan Kerajaan menubuhkan satu bangsa Malaysia yang bersatu seperti yang ada di-negeri kita ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-kan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 dan 2* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## **RANG UNDANG<sup>2</sup> LEMBAGA URUSAN DAN TABONG HAJI**

### **Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menchadangkan Rang Undang<sup>2</sup> yang bernama Lembaga Urusan dan Tabong Haji di-bachakan bagi kali yang kedua.

Masa-nya telah sampai bagi aspek menyimpan wang kerana fardhu haji dan aspek kebajikan dan urusan haji di-letakkan di-bawah satu perbadanan yang besar supaya kebajikan dan kemudahan<sup>2</sup> yang lebeh besar dan luas lagi akan dapat di-nikmati oleh bakal<sup>2</sup> haji kita.

Apabila kedua<sup>2</sup> aspek fardu haji ini di-letakkan di-bawah satu badan, maka Lembaga yang akan di-tubuhkan itu

akan mempunyai unsur<sup>2</sup> yang lebeh besar dan akan menjadi pusat tumpuan yang tunggal kepada bakal<sup>2</sup> haji kita, bukan sahaja bagi mendapatkan perkhidmatan, tetapi juga bagi mereka menyimpan wang supaya wang<sup>2</sup> tersebut dapat di-gunakan untuk kebajikan mereka dan juga negara.

Saya mempunyai keyakinan ia-itu dengan ada-nya badan yang tunggal ini menyelenggarakan simpanan dan hal<sup>2</sup> urusan haji, tiap<sup>2</sup> ringgit yang di-simpan oleh bakal<sup>2</sup> haji akan mendatangkan keuntongan yang lebeh besar kepada mereka. Bakal<sup>2</sup> haji akan mendapat layanan yang lebeh terator dan berkesan daripada tiap<sup>2</sup> ringgit yang di-bayar oleh mereka bagi layanan dan perkhidmatan yang di-kehendaki-nya.

Penerangan ringkas yang di-lampirkan pada Rang Undang<sup>2</sup> ini ada menjelaskan bahawa perkara yang mustahak atas penubuhan Lembaga yang baharu itu. Sa-benar-nya Rang Undang<sup>2</sup> ini mengandongi sekshen<sup>2</sup> Undang<sup>2</sup> Bakal<sup>2</sup> Haji, 1951 dan juga Sekshen<sup>2</sup> Undang<sup>2</sup> Perbadanan Wang Simpanan Bakal<sup>2</sup> Haji. Sa-tengah<sup>2</sup> daripada Sekshen<sup>2</sup> Undang<sup>2</sup> Bakal<sup>2</sup> Haji, 1951 telah di-pinda dan di-perbaiki sa-belum di-masokkan ka-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini.

Saya tidak-lah berhajat hendak membachakan satu persatu pindaan<sup>2</sup> yang di-maksudkan kerana ada termaktub di-dalam Undang<sup>2</sup> yang di-bentangkan di-hadapan Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat sakalian, hanya saya hendak menerangkan tujuan-nya supaya Lembaga Tabong Haji di-chantumkan sahaja dengan Urusan Jema'ah Haji supaya kerja<sup>2</sup> lebeh lichin dan lebeh memberi faedah kepada bakal<sup>2</sup> haji yang akan datang.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu<sup>2</sup>kan Rang Undang<sup>2</sup> ini dan saya harap dengan Rang Undang<sup>2</sup> ini kelak akan terpelihara-lah sama ada bakal<sup>2</sup> haji dan begitu juga urusan<sup>2</sup> yang berkenaan dengan Tabong Haji ini.

Saya hanya ingin menimbulkan satu perkara ia-itu yang telah pun di-siarkan oleh akhbar *Utusan Melayu*, kalau saya tidak salah berkenaan dengan sa-belas orang bakal<sup>2</sup> haji yang pada mula-nya telah pun membayar duit hendak membeli tiket kepada ejen salah sa-buah Travel Agencies yang pergi ka-kampong mereka dan sa-telah duit mereka itu di-ambil dan di-kumpulkan oleh orang itu dengan perjanjian tiket kapal terbang itu akan di-berikan kepada mereka sa-belum mereka naik kapal terbang itu kelak, tetapi mengikut cerita yang saya baca itu, apabila sampai masa yang di-tentukan itu, maka pehak Travel Agency memberitahu ia-itu kapal terbang ini tidak jadi pergi. Flight dia telah di-cancel dan orang<sup>2</sup> ini tidak-lah dapat hendak naik haji lagi, tetapi dengan pertolongan Tabong Haji mereka itu telah dapat di-beri tempat. Jadi orang<sup>2</sup> ini terpaksa menggadaikan tanah mereka kepada pehak Tabong Haji untuk mendapatkan tiket<sup>2</sup> itu, ia-itu tentau-lah satu perkara yang sangat tidak patut yang di-buat oleh salah satu Travel Agency. Jadi saya timbulkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya pandang ini-lah satu perkara yang tak patut berlaku kepada satu Travel Agency yang pergi ka-kampong<sup>2</sup> dan membuat kerja menganiaya saperti itu kerana Tuan Yang di-Pertua sendiri tahu bahawa urusan haji ini ada-lah di-pandang sa-bagai satu urusan yang suchi bagi orang<sup>2</sup> Islam. Jadi ingin-lah saya mendapat penjelasan barangkali daripada Kementerian Dalam Negeri, ia-itu ada-kah tindakan di-jalankan ka-atas Travel Agency itu dan chara mana-kah kedudukan wang yang telah di-pungut oleh orang itu dengan perjanjian hendak memberi tiket, tetapi orang<sup>2</sup> itu tidak dapat hendak pergi ka-Mekah, melainkan kalau tidak di-tolong oleh Tabong Haji tentu-lah orang<sup>2</sup> itu akan tergendala perjalanannya pergi ka-Mekah. Itu sahaja-lah, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengeruskan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 104* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Jadual Pertama hingga Jadual Ketiga* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## **RANG UNDANG<sup>2</sup> BANK PERTANIAN MALAYSIA**

### **Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menchadangkan supaya Rang Undang<sup>2</sup> bagi menubuhkan Bank Pertanian Malaysia di-bachakan kali yang kedua.

Negara kita maseh lagi bergantung kepada hasil<sup>2</sup> pertanian, walau pun negara kita sedang berusaha mengembangkan perindustriannya. Pada masa ini mengikut survey yang telah di-jalankan di-Malaysia Barat sahaja ada lebeh kurang sembilan juta ekar lagi tanah<sup>2</sup> kosong yang boleh di-buka oleh Kerajaan sama ada oleh ra'ayat sendiri atau pun private sector bagi kemajuan pertanian negara yang akan datang. Dan lebeh kurang tujuh juta ekar telah pun di-buka dengan tanaman getah, kelapa sawit, padi, buahan<sup>2</sup> dan ber-bagai<sup>2</sup> lagi. Maka dengan sebab itu sudah sa-patut-nya satu bank yang di-namakan Bank Pertanian di-tubuhkan di-negeri kita bagi menolong petani<sup>2</sup> yang sudah pun memiliki tanah dan juga petani<sup>2</sup> yang akan di-beri tanah pada masa yang akan datang. Ini tidak-lah berma'ana Kerajaan Perikatan telah menchuaikan petani<sup>2</sup> kita semenjak negara menchapai kemerdekaan. Usaha

menolong petani<sup>2</sup> telah pun di-jalankan oleh Bank Agong dan juga oleh Kementerian sa-chara langsung, tetapi ada-lah di-fikirkan oleh kerana pertanian berkehendakkan satu bantuan yang konkrit, yang tepat, maka dalam persidangan Konggres Ekonomi Bumi-putera Yang Kedua dahulu telah pun di-putuskan supaya di-adakan sa-buah Bank Pertanian.

Tetapi jangan-lah Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat silap faham bahawa Bank Pertanian ini bukan-lah memberi faedah kepada satu bangsa sahaja tetapi Bank Pertanian ini ada-lah memberi faedah kepada semua petani<sup>2</sup> dengan tidak mengira bangsa dalam tanah ayer kita ini. Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah bertujuan semata<sup>2</sup> hendak memberi pertolongan kepada peladang<sup>2</sup> dan juga pekebun<sup>2</sup> kecil supaya mereka itu mendapat balasan yang sempurna daripada usaha dan titek peloh yang mereka churahkan pada tiap<sup>2</sup> hari. Kalau sa-kira-nya mereka di-perah oleh orang<sup>2</sup> tengah, tak dapat tidak pendapatan mereka itu tidak-lah sa-timpal dengan kerja yang telah di-churahkan-nya pada sa-tiap hari.

Penubuhan Bank Pertanian ini rasa saya ada-lah satu perkara yang sangat<sup>2</sup> di-tunggu oleh petani<sup>2</sup> di-dalam negara kita ini. Kita berharap juga supaya petani<sup>2</sup> bukan sahaja dapat peluang meminjam wang, tetapi juga di-harap mengubah sikap supaya dapat mengerjakan tanah<sup>2</sup>-nya dengan chara saintifik, menggunakan jentera moden walau pun belum dapat kita keluarkan sendiri, tetapi sa-kali pun dengan membeli supaya hasil pertanian lebeh besar lagi kerana seperti kata saya tadi, negara kita maseh lagi banyak pertolongan kepada hasil pertanian.

Pada masa ini pun banyak-lah usaha<sup>2</sup> yang sedang di-jalankan untuk menolong petani<sup>2</sup> tetapi dengan adanya Bank ini maka pertolongan yang lebeh besar akan dapat di-jalankan. Tetapi kerja<sup>2</sup> yang akan di-laksanakan oleh Bank Pertanian ini tidak-lah meliputi kerja<sup>2</sup> yang akan di-jalankan di-Sungai Muda Scheme dan juga di-Kemubu Scheme kerana kedua<sup>2</sup> Scheme

itu ada-lah scheme yang besar yang berkehendak pada pengawasan yang khas di-mana sa-buah Lembaga sedang di-tubuhkan bagi mengawasi kedua<sup>2</sup> scheme tersebut. Tambahan pula Kerajaan kita ada meminjam wang daripada World Bank dan World Bank berkehendakkan ranchangan<sup>2</sup> yang terator bagi menggunakan wang dalam dua projek besar yang saya sebutkan tadi. Bank Pertanian ini mengikut Undang<sup>2</sup>, Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat pun ma'alum akan mempunyai modal sebanyak \$50 juta, tetapi Kerajaan tidak-lah mampu hendak mengadakan wang yang begitu banyak pada hari ini, dan mengikut chadangan apa yang di-sebut oleh Tunku Perdana Menteri kita mulakan dahulu dengan \$10 juta, itu pun dengan chara bank ini kelak akan bermaufakat dengan Bank Agong yang ada sekarang supaya kerja<sup>2</sup> yang di-buat oleh Bank Agong di-satukan dengan kerja yang akan di-buat oleh Bank Pertanian. Bank Agong yang ada pada hari ini telah menjalankan kerja-nya yang chermelang, tetapi oleh kerana perusahaan pertanian dan perindustrian telah bertambah besar, maka elok-lah kerja<sup>2</sup> memajukan pertanian yang di-jalankan oleh Bank Agong itu berpindah kepada Bank Pertanian. Dengan ada-nya dua bank yang baharu ini ia-itu Bank Agong yang sedia ada dan di-tambah dengan Bank Pertanian ini, maka usaha<sup>2</sup> bagi kemajuan pertanian akan berjalan lebeh pesat lagi pada masa yang akan datang. Saya tidak-lah hendak berchakap panjang lebar lagi dalam soal ini, melainkan jika ada pertanyaan dan sa-bagai-nya saya akan memberikan jawapan.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bill yang di-bawa oleh Yang Berhormat Menteri, dan saya ragu<sup>2</sup> tadi kerana biasa-nya rakan saya Che' Aishah Ghani selalu-lah menyokong Bill itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ter-sharat dia sahaja.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tetapi bagi saya-nya saya rasa oleh kerana Bill ini satu Bill yang sangat-

lah memberi faedah yang besar kepada kaum<sup>2</sup> tani kita yang di-luar bandar dengan perkembangan yang ada pada hari ini dan perkembangan<sup>2</sup> di-masa hadapan, maka saya meminta dari Che' Aishah Ghani saya hendak sokong-lah Bill ini dan suka-lah saya hendak berchakap sa-lepas daripada.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh menyokong tidak payah meminta dengan dia pun boleh, siapa<sup>2</sup> pun boleh menyokong.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Ya, saya sokong chadangan ini kerana bagaimana kita semua tahu negara kita ini ia-lah sa-buah negara yang berasaskan kepada pertanian dan kita semua tahu bagaimana penderitaan ahli<sup>2</sup> petani<sup>2</sup> kita yang ada di-luar bandar. Kita tahu bagaimana mereka ini terpaksa mengeluarkan titek peloh untuk mendapatkan perolehan yang lebeh baik pada masa hadapan ini dan juga kita tahu perkembangan dalam masaalah pertanian ini makin sa-hari sa-makin berubah daripada chara lama dengan chara yang lebeh baharu, lebeh moden lagi, dan ini berkehendak kepada modal<sup>2</sup> yang chukup bagi membolehkan mereka ini menyesuaikan chara hidup itu mengikut chara<sup>2</sup> yang baharu. Kita faham, kita telah ada Bank Agong dan Bank Agong ini telah menjalankan kerja-nya semenjak beberapa lama. Tetapi sa-bagaimana saya tahu Bank Agong ini tidak chukup modal. Konggeres Ekonomi Bumi-putera telah pun memutuskan supaya di-beri bantuan modal kepada Bank Agong sa-banyak lima juta ringgit lagi sa-bagai modal tambahan kepada Bank Agong supaya Bank Agong dapat meluaskan usaha<sup>2</sup>-nya dalam membantu petani<sup>2</sup> di-luar bandar ini.

Jadi hari ini Kerajaan telah mengambil keputusan yang baik dengan menubuhkan sa-buah bank lagi ia-itu Bank Pertanian. Saya rasa Bank Pertanian ini hendak-lah akan berjalan dengan lebeh lancar dan lebeh baik lagi daripada Bank Agong itu. Dan saya harap juga Kerajaan akan menyusun balek Bank Agong itu supaya

merupakan sa-buah bank yang dapat berjajaian dengan lebeh baik daripada perjalanan yang ada ini. Kalau di-dapati Bank Agong tidak chukup kaki-tangan umpama-nya, tidak chukup modal, tidak chukup pengalaman, tidak chukup serba-serbi, maka hendak-lah Kerajaan mengambil langkah yang segera bagi membantu Bank Agong itu supaya dapat menjadikan sa-buah bank yang benar<sup>2</sup> dapat memberi kebaikan dan pertolongan kepada petani<sup>2</sup>. Kalau kita buka satu Bank lagi kemudian bank yang ada itu, kita tidak susun, tidak melichinkan perjalanan-nya, maka bertambah<sup>2</sup>-lah penyakit di-atas Kerajaan kita. Jadi kalau boleh bank yang ada ini berjalan dan Bank Agong itu hendak-lah di-perbaiki, di-susun balek, di-ator dan di-beri tambahan modal dan di-perbetulkan perjalanan-nya supaya dapat Bank Agong itu berjalan sama sa-timbal dengan Bank yang baharu ada itu. Sekian sahaja saya ucapkan terima kaseh.

**Tuan Yeoh Kian Teik:** Mr President, in rising to support this Bill, I would also like to enquire from the Honourable the Minister what has happened to the Apex Bank, and whether that bank was also for this particular purpose?

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sangat gembira apabila mendengar ucapan daripada Senator Abdul Ghafar bin Baba yang mengemukakan Rang Undang<sup>2</sup> ini. Saya berasa yang sa-benar<sup>2</sup>-nya tadi saya-lah orang yang mula-nya bangun hendak menyokong, tetapi kerana saya tengah menchari<sup>2</sup> Rang Undang<sup>2</sup> ini tidak ada di-dalam simpanan saya ini, maka terlewat sedikit daripada Yang Berhormat Senator Nik Hassan. Jika tidak sangat-lah baik bagi saya menyokong Bill ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya ini ada satu perkara yang sangat<sup>2</sup> di-tunggu<sup>2</sup> oleh ra'ayat. Saya maseh ingat lagi semenjak sembilan atau sa-puluh tahun yang lalu dua perkara yang besar yang selalu di-tekan<sup>2</sup>kan dalam Dewan ini meminta Kerajaan Perikatan supaya mewujudkan Bank

Tani, Bank Pertanian dan juga kerja<sup>2</sup> kecil cottage industry supaya ini semua-nya boleh menolong sa-chara langsung kepada ra'ayat dan hari ini dengan ada-nya Bill ini walau pun sudah suntok dekat dengan pilehan raya dan chukup-lah juga satu terima kaseh dan saya tidak berhajat hendak mengkomen ayat demi ayat-nya, sebab saya fikir biar-lah di-beri peluang di-chuba dahulu.

Bagi kita, Tuan Yang di-Pertua, Bank Tani satu perkara yang baharu hendak di-chuba, di-negeri<sup>2</sup> lain yang membangun, Bank Tani telah lama di-buat dan kita sa-patut-nya telah lama juga membuat-nya. Banyak perkara<sup>2</sup> yang sangat memerlukan ada-nya Bank Tani ini. Jika Bank Tani telah ada beberapa lama dengan sistem-nya yang terator, maka soal padi kuncha yang melibatkan petani<sup>2</sup> tidak-lah akan timbul seperti yang berlaku terus menerus sampai sekarang. Jika Bank Tani ini ada daripada dahulu banyak-lah ra'ayat dapat menanam dan mengusahakan tanah<sup>2</sup> mereka dengan bantuan modal yang membolehkan mereka itu mengusahakan perusahaan<sup>2</sup> dan tuan<sup>2</sup> tanah yang ada tanah yang terbiar dapat memperoses tanah itu dengan bantuan daripada Bank Tani dengan alat<sup>2</sup> contribution dan sa-bagai-nya, sa-hingga dapat mendaftarkan hasil bagi ra'ayat menolong ra'ayat dapat bekerja dan menolong negara sendiri mendapatkan pendapatan negara.

Saya mengharapkan, Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya Bank Tani ini, dengan tidak memperdulikan kepada soal Bank Agong yang harus di-perbaiki, tetapi saya berchakap dari segi Bank Tani, dengan ada-nya Bank Tani ini yang di-terangkan tadi tidak-lah di-tugaskan tertentu kepada ranchangan apa yang berhubong dengan Ranchangan Kemubu dan Ranchangan Sungai Muda, oleh kerana ini satu lembaga akan di-bangunkan, maka hendak-lah Bank Tani ini merupakan tumpuan kepada usaha<sup>2</sup> menambah hasil<sup>2</sup> tani di-kawasan<sup>2</sup> yang patut di-tanam dengan segala rupa tanaman seperti halia,

kachang tanah dan lain<sup>2</sup> lagi. Sebab saya perchaya sa-lama orang membuat Ginger Ale dan Ginger Beer halia akan tetap mendapat pasaran yang sangat besar dan sa-lama itu-lah ra'ayat boleh menanam jika di-beri bantuan<sup>2</sup> dan kemudahan<sup>2</sup>. Dalam menjalankan kerja ini yang saya mithalkan kachang tanah dan halia dan sa-bagai-nya, saya perchaya ra'ayat mempunyai kemahuan yang bersungguh<sup>2</sup> untuk menjalankan ranchangan ini terutama sa-kali ra'ayat Kelantan, ra'ayat yang tidak pernah meletakkan punggung-nya untuk dudok berehat melainkan mahu bekerja kerana menchari wang. Padi mereka sudah naik, sudah terasa sedap, mereka tinggalkan beramai<sup>2</sup> pergi ka-Kedah kerana memotong padi mahu menchari wang. Balek dari Kedah sa-sudah membawa wang dua tiga ratus ringgit, dia potong padi di-kampung-nya. Ini ada-lah orang<sup>2</sup> yang bekerja kuat, tetapi di-mana mereka boleh meletakkan hasil<sup>2</sup> tanaman mereka itu kalau tidak ada usaha<sup>2</sup> yang sungguh<sup>2</sup> untuk memasarkan barang<sup>2</sup> itu. Pada satu masa dengan tidak ada-nya Bank Pertanian yang menolong memaju pun, ra'ayat itu bersungguh<sup>2</sup> kerana ada jaminan dan galakan daripada Jabatan Pertanian supaya ra'ayat ini menanam, tanam-lah timun China kata orang Kelantan, saya tukarkan kepada timun Melayu sekarang ini ia-itu temikai. Jadi ra'ayat itu bertanam sa-banyak<sup>2</sup>-nya. Bila sudah di-tanam sa-banyak<sup>2</sup>-nya sampai masa bertimbun<sup>2</sup> barang itu, Pejabat Pertanian itu sudah tidak sanggup untuk memikirkan bagaimana barang-nya hendak di-bawa ka-mana.

Jadi dengan ada-nya Bank Pertanian yang boleh menolong perbelanjaan kepada tuan<sup>2</sup> tanah, petani<sup>2</sup>, petani<sup>2</sup> yang mempunyai tanah beberapa ekar—tuan<sup>2</sup> tanah yang mempunyai tanah beberapa puluh ekar yang mana benda<sup>2</sup> yang tidak berapa menghasilkan mithal-nya dengan ada Bank Pertanian dapat di-beri peruntukan dan bantuan yang membolehkan, menghasilkan tanaman yang lebeh berkesan. Soal-nya ia-lah soal pasaran. Ranchangan Bank Pertanian mesti serentak di-bangunkan dengan pasaran<sup>2</sup> yang

sa-benar<sup>2</sup>. Kalau FAMA dapat mengambil aieh ini dia-lah sa-baik-nya tetapi saya tidak nampak jalan, saya tidak yakin FAMA dapat berjaya kalau sa-kira-nya Bank Pertanian ini di-wujudkan kemajuan dalam pertanian dapat di-lancharkan maka FAMA apa<sup>2</sup> juga badan lain mesti merupakan badan yang betul<sup>2</sup> bertanggung-jawab supaya hasil yang di-usahakan oleh ra'ayat itu benar<sup>2</sup> dapat di-pasarkan dengan sa-chara yang sa-baik<sup>2</sup>-nya.

Izinkan-lah saya, Tuan Yang di-Pertua, untok mengulangkan beberapa tahun apa yang telah pernah saya sebutkan dalam Dewan ini beberapa tahun yang lalu pernah saya sarankan dalam Dewan yang mulia ini patut pehak Kerajaan mengadakan satu chara yang FAMA juga boleh menjaiangkan ia-itu hasil<sup>2</sup> pertanian ra'ayat mesti di-galakkan mereka itu bekerja dan mereka mesti bekerja kalau ada pasaran hendak-lah di-pungut melalui kedai<sup>2</sup> pekan sari dan di-sana ada pengawal<sup>2</sup> yang menerima semua barang<sup>2</sup> hasil mereka, barang<sup>2</sup> itu di-timbang dan di-beri kopon, kemudian barang<sup>2</sup> itu semua-nya di-lelong kepada orang<sup>2</sup> yang akan membeli sa-chara besaran<sup>2</sup>. Hasil lelong itu mana yang paling tinggi harga barang itu dapat kepada pengawal di-pasar<sup>2</sup> minggu dan dengan di-jalankan itu di-bagi-lah balek harga barang itu kepada petani<sup>2</sup>. Dengan jalan itu tidak timbul masalah petani<sup>2</sup> kena perah, tidak timbul masalah tidak ada pasaran kerana jika barang itu betul<sup>2</sup> banyak tentu-lah banyak pembeli yang berkejar untok membeli barang yang baik tetapi kalau barang terchichir sadikit demi sadikit ada orang mengambil kesempatan mempergunakan mencari makan sa-chara sadikit<sup>2</sup> ini untok menekan harga menyebabkan putus asa bagi orang<sup>2</sup> berchuchok tanam.

Bila memperkatakan soal pertanian dengan Bank Tani yang akan di-wujudkan ini timbul juga apa yang telah di-sebutkan tadi oleh Yang Berhormat Senator Abdul Ghafar Baba bahawa angkatan tani kita harus merubah chara<sup>2</sup> mereka daripada chara primitive kepada chara<sup>2</sup> menggunakan mesen

dan sa-bagai-nya. Ini juga satu perkara yang sa-laras mesti di-kerjakan sama<sup>2</sup> yang pertama melalui Jabatan Pertanian supaya menimbulkan kesedaran sa-chara langsung kepada ra'ayat terutama pemuda<sup>2</sup> supaya ikut mengerjakan perusahaan pertanian, dengan menggunakan alat<sup>2</sup> moden dengan chara sa-macham ini melalui sekolah<sup>2</sup> dapat di-gunakan dari sekarang supaya menarek mereka itu, anak<sup>2</sup> daripada orang<sup>2</sup> tani, bergaul dengan Jabatan Pertanian menunjuk dan encouragekan mereka kepada kerja<sup>2</sup> pertanian, tunjok benda<sup>2</sup> yang boleh mendatangkan hasil lebeh baik daripada makan gaji yang dapat gaji \$150 sa-bulan, mithalnya. Dengan chara yang sa-macham ini barangkali boleh mendatangkan faedah yang sangat baik daripada angkatan muda yang mungkin banyak keluar daripada sekolah<sup>2</sup> tetapi tidak ada pekerjaan sedangkan mereka terasa segan<sup>2</sup> untok bergaul dengan tanah.

Chara yang kedua ia-lah mengadakan satu gerakan ia-lah mengadakan gerakan jangka pendek melalui gerakan tata ra'ayat dan sa-bagai-nya yang di-jalankan oleh Jabatan Penerangan dengan Pegawai<sup>2</sup> Pertanian boleh berchakap, ahli<sup>2</sup> politik berchakap, dan saya sanggup memberi kerjasama untok menimbulkan kesedaran ra'ayat dalam perkara ini chuma malang-nya amalan di-Kelantan sendiri pun tata ra'ayat dan Jabatan Penerangan yang berjalan itu tidak memberi peluang langsung orang lain—semua orang<sup>2</sup> Perikatan sahaja, kalau di-minta-lah saya free, saya pun mahu berkhidmat untok menimbulkan kesedaran ra'ayat dengan menggunakan alat negara bagi kepentingan negara ini.

Jadi, saya harap Menteri yang berkenaan akan mengambil perhatian yang berat dalam perkara ini mudahah<sup>2</sup> kita akan melihat success-nya bangsa kita dengan ada-nya Bank Pertanian ini, sekian terima kaseh.

**Tan Sri T. H. Tan:** (*dengan izin*) Mr President, Sir, the Government is to be congratulated on the introduction of this Bill and also on the parallel action it proposes to take to set up the

Malaysian Agricultural Research and Development Institute as per item 20 on the Order Paper. Other countries have found agricultural banks of great service to those who till the land. There is only one point I would like to make here, Sir, and that is, since the proposed bank will obviously take away some of the business of the existing banks, will Government consider taking these banks in as shareholders as it has done in the case of M.I.D.F.L. i.e. Malaysian Industrial Finance Corporation Limited? This is only fair and I hope this is the intention under the proviso to Clause 7 of the Bill under discussion.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Yeoh Kian Teik apa akan jadi kepada Apex Bank. Apex Bank akan berjalan terus dan akan di-perbaiki lagi. Chuma-nya kerja<sup>2</sup> yang di-jalankan oleh Apex Bank dalam soal pertanian elok-lah di-chantumkan—di-satukan dengan Bank Pertanian yang baharu ini.

Bagitu juga chadangan daripada Yang Berhormat Tan Sri T. H. Tan supaya badan<sup>2</sup> yang lain yang ada menolong soal pertanian ini kalau boleh di-bawa bersama<sup>2</sup> dalam Bank Pertanian dan ini akan di-rundingkan daripada satu masa ka-satu masa.

Saya memang suka menjawab soalan daripada Enche' Amaludin Darus kemudian sa-kali. Pertama, sa-malam kita dengar Ahli Yang Berhormat ini telah menghalau FAMA daripada Kelantan tetapi hari ini dia jemput balek FAMA balek ka-Kelantan, nasib baik-lah sa-malam baharu bercherai talak satu tetapi boleh-lah juga berbalek lagi hari ini. Bagi pehak FAMA saya tidak peduli orang hendak cherai atau tidak cherai. FAMA ini saperti anak dara chantek banyak-lah orang yang hendak, kalau PAS tidak hendak orang Kelantan hendak, saya akan jalankan juga kerja<sup>2</sup> yang boleh di-jalankan. Pada masa ini FAMA menumpukan tenaga-nya dalam pemasaran padi, ikan dan lada hitam.

Berkenaan dengan pasaran buahan<sup>2</sup> belum-lah ada di-jalankan tetapi FAMA mula memerhatikan bagaimana hal ini boleh di-beri bantuan. Yang susah-nya soal buahan<sup>2</sup> ini pasaran-nya hanya dalam negeri sahaja ia-itu untuk di-pindahkan daripada satu tempat ka-satu tempat lain. Jadi, dalam soal ini jangan-lah hendak-nya semua hendak bergantung kepada FAMA, patut-lah ahli<sup>2</sup> Wakil<sup>2</sup> Ra'ayat di-Kelantan itu bekerja-lah sedikit untuk melakukan buah<sup>2</sup> di-Kelantan. Jangan hendak tunggu FAMA sahaja.

Kemudian Ahli Yang Berhormat berasa megah dan bangga kerana beliau telah pernah menyarankan, menekankan apa yang dia tekan saya pun tidak tahu, dalam Dewan ini ia-itu supaya Kerajaan mengadakan Bank Pertanian. Yang sa-benar-nya Bank Pertanian ini telah banyak di-jalankan oleh negeri<sup>2</sup> saperti di-Johor, di-Melaka, di-Kedah, di-Selangor, di-Perak, chuma yang tidak ada satu sahaja ia-itu di-Kelantan.

Kerajaan<sup>2</sup> Negeri yang telah menjalankan Bank Pertanian dengan bentuk nama yang berlainan<sup>2</sup> itu akan di-chantumkan dengan Bank Pertanian Pusat ini termasuk-lah juga orang Kelantan sendiri akan mendapat faedah-nya.

Kemudian Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat berchadang hendak berchakap di-kampong<sup>2</sup>, menolong Kerajaan memajukan pertanian dan sa-bagai-nya tetapi malang kata-nya orang<sup>2</sup> PAS tidak di-jemput oleh Jabatan Penerangan. Sebab<sup>2</sup> yang tidak di-jemput itu kerana Badan Penerangan memikirkan orang PAS ini ia-lah orang akhirat. Mereka itu tidak-lah sesuai hidup atas dunia. Agak-nya fasal itu-lah tidak di-jemput. Kalau Ahli Yang Berhormat itu mahu mengaku<sup>2</sup> yang dia ini mahu jadi orang dunia balek, boleh-lah saya jemput dalam tian<sup>2</sup> kali perjumpaan pada masa yang akan datang.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-kan meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 38* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tiada ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

### THE HIRE PURCHASE (AMENDMENT) BILL

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menchadangkan supaya Rang Undang<sup>2</sup> pindaan Undang<sup>2</sup> Sewa Beli, 1967 di-bachakan kali yang kedua.

Berdasarkan pandangan<sup>2</sup> yang telah di-buat oleh orang<sup>2</sup> awam dan pehak<sup>2</sup> yang berkenaan Jawatan-kuasa Penggubal Sewa Beli, 1967 telah mengkaji sa-mula peruntokan<sup>2</sup> yang ada di-dalam Act ini sekarang dan berpendapat bahawa sa-tengah<sup>2</sup> Section di-dalam Act itu patut-lah di-pindahkan dan Section<sup>2</sup> Kechil baharu di-masokkan untuk menerangkan dengan lebeh jelas lagi sharat<sup>2</sup> yang ada itu, menchecepatkan dan pentadbiran serta memperkuatkan lagi maksud<sup>2</sup> di-bawah Undang<sup>2</sup> tersebut.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-kan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 10* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tiada ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

### RANG UNDANG<sup>2</sup> HAK CHIPTA

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menchadangkan Rang Undang<sup>2</sup> Hak Chipta tahun 1969 di-bacha bagi kali yang kedua.

Rang Undang<sup>2</sup> ini juga di-keluarkan dengan tujuan membaiki lagi Rang Undang<sup>2</sup> Hak Chipta tahun 1967 yang di-chadangkan dahulu oleh Kerajaan dan yang di-siarkan dalam *Warta* Kerajaan keluaran bulan Jun 1967 untuk pengetahuan umum.

Rang Undang<sup>2</sup> yang sekarang ini yang di-bentangkan ada-lah bertujuan hendak memenuhi semua fundamental yang pokok dan peruntokan<sup>2</sup> di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini di-tulis dengan huraian yang senang di-faham dan ada-lah di-tujukan ka-arrah kepentingan negara dengan keutamaan diberi kepada melindungi Hak Chipta atas hasil<sup>2</sup> chiptaan warga negara Malaysia dan hasil<sup>2</sup> chiptaan yang berasal dari negara kita ini. Selaras dengan banyak negara<sup>2</sup> yang lain dan terutama sa-kali menguntongkan sa-buah negara yang sedang membangun saperti Malaysia untuk kemajuannya dalam bidang kebudayaan, pelajaran dan sains, maka peruntokan telah di-buat dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini untuk mengechualikan perlindungan Hak Chipta atas karya<sup>2</sup> di-masa bahan<sup>2</sup> Hak Chipta itu di-gunakan dalam usaha<sup>2</sup> penyelidekan (research) dan pelajaran.

Peruntokan ada juga di-buat berkenaan dengan hak<sup>2</sup> menterjemah bahan<sup>2</sup> Hak Chipta di-dalam Bahasa Kebangsaan dan untuk menggalakkan perusahaan, penerbitan buku<sup>2</sup> dan piring<sup>2</sup> hitam. Rang Undang<sup>2</sup> ini adalah juga menitek-beratkan dengan sewajar-nya dengan perkembangan teknologi dalam perusahaan rakaman bunyi suara (sound recording) dan penyiaran radio dan talivishen dan perlindungan yang kemas telah pun di-

bekalkan di-atas-nya, tetapi Rang Undang<sup>2</sup> ini tidak membuat peruntukan untuk pendaftaran Hak Cipta.

Oleh sebab Hak Cipta di-atas karya<sup>2</sup> yang asal (original) ia-lah hak asasi termaktub dalam undang<sup>2</sup> ini maka pendaftaran karya<sup>2</sup> hak cipta ada-lah di-anggap tidak perlu. Rang Undang<sup>2</sup> ini apablia di-kuat-kuasa bukan sahaja akan memenohi hasrat yang lama terpendam di-kalangan penulis<sup>2</sup>, pengarang<sup>2</sup> dan penchipta<sup>2</sup> di-Malaysia supaya memberi perlindungan kepada hasil<sup>2</sup> chiptaan mereka bahkan ia juga menjadi alat penchegah sa-barang usaha<sup>2</sup> ka-arrah peneribatan haram (piracy) buku<sup>2</sup> dan lain<sup>2</sup> peneribatan yang di-karang dan di-terbitkan oleh warga negara Malaysia.

**Puan Aishah binti Haji Abdul**

**Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang<sup>2</sup> ini dan saterus-nya saya mengalu<sup>2</sup>kan Rang Undang<sup>2</sup> ini kerana ini-lah satu Rang Undang<sup>2</sup> yang telah lama di-tunggu<sup>2</sup> oleh sama ada penulis<sup>2</sup> atau pun juga artis<sup>2</sup> di-negeri ini. Saya hanya ingin menimbulkan satu perkara dan saya harap akan mendapat perhatian ia-itu berkenaan dengan ada-nya lagi perniagaan saperti yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, ia-itu piracy sama ada tentang buku<sup>2</sup> atau pun juga record<sup>2</sup>. Dan ini biasa di-buat oleh penchetak<sup>2</sup> yang berani menchetak dengan tidak ada keizinan. Maka barang<sup>2</sup> ini sama ada record, atau pun apa juga yang mereka itu piratekan di-jual dengan harga murah, kerana itu-lah banyak publishers di-negeri ini mengalami kerugian beribu ringgit disebabkan ada-nya perbuatan<sup>2</sup> daripada orang<sup>2</sup> yang melakukan perbuatan piracy ini. Kerana itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, sa-tahu saya sa-takat yang berjalan pada hari ini polis juga tidak dapat mengambil tindakan apa<sup>2</sup> kerana polis biasa-nya mesti-lah ada warrant daripada magistrate baharu-lah dia boleh bertindak, sedangkan apabila waraant itu barangkali sudah dapat, maka orang<sup>2</sup> yang hendak di-tangkap ini pun sudah tidak ada dapat bukti<sup>2</sup>-nya lagi.

Oleh kerana itu saya berharap dengan ada-nya Rang Undang<sup>2</sup> ini akan dapat-lah memberi perlindungan yang sa-benar<sup>2</sup>-nya kepada penulis<sup>2</sup> atau pun apa juga karya<sup>2</sup> chiptaan warga-negara Malaysia ini, kerana dengan ini-lah sahaja saya rasa satu sahaja jalan-nya bagi menaikkan taraf hidup sama ada penyanyi<sup>2</sup> atau pun juga penulis<sup>2</sup> atau pun juga siapa sahaja warga-negara ini yang dapat menghasilkan menchipta satu<sup>2</sup> berupa lukisan dan sa-bagai-nya. Jadi, saya sa-kali lagi mengalu<sup>2</sup>kan Rang Undang<sup>2</sup> Hak Cipta ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, lebeh dahulu saya hendak ucapkan terima kaseh kepada pehak Kerajaan kerana mengemukakan Rang Undang<sup>2</sup> ini yang lebeh baik daripada undang<sup>2</sup> tahun 1967 yang lalu. Ini tentu-lah di-sebabkan sa-sudah mempelajari beberapa kelemahan<sup>2</sup>, maka satu perubahan besar telah dilakukan dalam ini.

Apa yang terchatit dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini perlindungan<sup>2</sup> di-beri oleh undang<sup>2</sup> ini terhadap karya sastera, karya muzik, seni, filam, wayang gambar, rakaman bunyi dan siaran. Rasa-nya sudah meliputi kehendak<sup>2</sup> hasil karya<sup>2</sup> yang boleh di-buat oleh manusia. Chuma satu sahaja tegoran saya sebab saya tidak berjumpa di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini satu jaminan atau pun satu pentafsiran yang jelas yang dapat di-pegang hasil karya itu terutama dari segi sastera yang di-buat dalam bahasa apa. Apa yang ada di-dalam ini ia-lah yang di-katakan oleh warga-negara. Yang saya mahu satu ketetapan apa yang di-katakan dapat di-beri jaminan oleh undang<sup>2</sup> bagi sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat ini ia-lah satu jaminan kepada yang di-buat oleh warga-negara-nya di-dalam Bahasa Kebangsaan di-negara-nya sendiri, tetapi dalam undang<sup>2</sup> ini saya tidak berjumpa. Apa yang saya mahu supaya di-tetapkan semua karya<sup>2</sup>—lukisan tidak masok—yang di-maksudkan macham muzik yang ada shaer-nya dan sastera tulisan<sup>2</sup> merupakan karangan<sup>2</sup>, baik buku sekolah atau apa juga yang di-buat di-dalam

Bahasa Kebangsaan itu-lah harus diberi perlindungan. Dengan jalan itu erti-nya kita telah meletakkan satu asas, satu gaitan pada masa akan datang bagi mencapai matlamat kita, matlamat menggunakan Bahasa Kebangsaan sa-penoh<sup>2</sup>-nya. Jika dari sekarang kita telah melonggarkan akan timbul problem atau masala<sup>2</sup> masa hadapan jika sampai satu masa sa-sudah sa-puluh tahun Hari Malaysia barangkali akan di-tinjau soal Bahasa Kebangsaan, barangkali pada masa itu oleh kerana Sarawak dan Sabah pada masa itu-lah meninjau kedudukan-nya dan bagi untok seluruh Malaysia pada masa itu akan di-gunakan dengan jujur dan ikhlas hanya satu bahasa ia-lah Bahasa Kebangsaan sahaja sa-bagai Bahasa Rasmi yang tunggal. Maka undang<sup>2</sup> ini akan di-pinda pula atau di-kaji sa-mula atau akan timbul pertentangan yang hebat kerana kita juga terpaksa melindungi apa yang telah ada bukan daripada Bahasa Kebangsaan. Jadi, pada pendapat saya sangat-lah baik soal ini di-jadikan tegas kalau sa-kira-nya tidak sekarang nanti di-bawa pindaan pada masa akan datang, saya jamin-lah saya akan sokong. Erti-nya mesti di-masokkan bahawa hak chipta yang di-perlindongi oleh undang<sup>2</sup> negara Malaysia ini ia-lah hak chipta yang di-buat di-dalam Bahasa Kebangsaan, kerana itu-lah bahasa bagi kepentingan nasional atau kebangsaan Malaysia ini.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, untok mengawal dan memajukan Bahasa Kebangsaan supaya menjadi Bahasa Rasmi yang tunggal dengan sa-penoh<sup>2</sup>-nya telah pun di-luluskan oleh Kerajaan dalam Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara yang di-namakan undang<sup>2</sup> Act Bahasa Kebangsaan, dan undang<sup>2</sup> yang di-keluar atau yang hendak di-luluskan sekarang ini ia-lah undang<sup>2</sup> mengawal Hak Chipta sahaja, bukan-lah soal hendak mengawal perkembangan bahasa. Kalau sa-kira-nya Hak Chipta itu hendak mengongkong tentang soal bahasa yang di-gunakan bagi buku<sup>2</sup> yang di-tulis, maka sempit-lah peluang penulis<sup>2</sup> dalam tanah ayer kita, kerana

mereka hanya sa-mata<sup>2</sup> menulis dalam Bahasa Kebangsaan sahaja, pada hal sa-bagai sa-buah negara yang hendak berkembang kita membenarkan ra'ayat negeri kita menulis buku<sup>2</sup> dan sa-bagai-nya lagi dalam bahasa apa juga yang mereka itu mampu. Dan kedua-nya jika berkehendakkan ra'ayat Malaysia ini di-kenal kebolehan-nya oleh negeri luar mesti-lah juga di-tulis dengan bahasa<sup>2</sup> asing, sebab lebeh mudah di-ketahui oleh negeri<sup>2</sup> lain.

Jadi, saya ulang sa-kali lagi bahawa walau pun tidak di-sebutkan bahasa apa yang mesti di-gunakan bagi kawalan Hak Chipta ini, tetapi usaha hendak menjadikan bahasa Melayu Bahasa Rasmi yang tunggal telah pun di-luluskan dalam undang<sup>2</sup> Act Bahasa Kebangsaan yang lalu. Undang<sup>2</sup> ini chuma hendak mengawal di-atas buku<sup>2</sup> yang di-keluarkan dengan tidak mengawal apa bahasa-nya.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 23* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Jadual* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Persidangan di-tempohkan sa-hingga pukul 2.30 petang.

*Persidangan di-tanggohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 2.30 petang.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

## THE COMPANIES (AMENDMENT) BILL

### Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencha-dangkan supaya Rang Undang<sup>2</sup> Pin-daan Sharikat, 1969 di-bacha kali yang kedua.

Sa-orang professor yang telah di-pinjamkan kepada Kerajaan Malaysia telah menjalankan penyiasatan ber-kenaan dengan Undang<sup>2</sup> Sharikat Kerjasama ia-itu Professor Gower telah mengadakan beberapa meshuarat dengan gulongan professional, peguam<sup>2</sup>, accountant<sup>2</sup>, setia-usaha<sup>2</sup> sharikat dan wakil<sup>2</sup> perdagangan dan perusahaan serta meninjau pendapat<sup>2</sup> mereka. Beliau menyediakan satu laporan kepada Kerajaan. Professor Gower mensifatkan Act Sharikat<sup>2</sup> ini sa-bagai salah satu daripada Act Sharikat<sup>2</sup> yang terbaik dalam dunia ini yang mana Malaysia patut berbangga. Oleh itu beliau hanya membuat pindaan<sup>2</sup> memperbaiki dan menjelaskan di-mana terdapat kesamaran dan kepinchangan sahaja. Pada pendapat-nya tidak-lah menjadi kesukaran yang besar untuk mematohi syarat<sup>2</sup> dan kehendak<sup>2</sup> Act ini. Ini ada-lah di-sebabkan oleh chara<sup>2</sup> Undang<sup>2</sup> telah di-gubal dan chara Pejabat Pendaftaran Sharikat melaksanakan-nya.

Chara penyusunan dan kebijak-sanaan Undang<sup>2</sup> ini di-gubal oleh Professor Finemore sangat-lah meng-kagumkan-nya. Beliau juga memuji Jawatan-kuasa Pengkajian Undang<sup>2</sup> Sharikat atas perhatian, perinchian dan pertimbangan yang di-beri di-atas kertas-nya serta menyatakan seluroh chara perjalanan pengkajian dan peng-gubalan yang telah di-buat itu ada-lah berupa sa-bagai satu chontoh yang harus di-buat dan di-ikuti dalam lapangan ini. Pengkajian atas laporan Professor Gower itu telah di-buat oleh satu Jawatan-kuasa Pegawai<sup>2</sup> Kerajaan yang di-pengerusikan oleh Yang Mulia Raja Tan Sri Mohar bin Raja Badio-zaman, Setia-usaha Tetap, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Jawatan-kuasa ini juga telah mengkaji dan

menimbangkan lain<sup>2</sup> pindaan yang di-fikirkan perlu yang tidak di-liputi dalam laporan Professor Gower. Pin-daan<sup>2</sup> terkandung dalam Rang Undang<sup>2</sup> yang di-bentangkan ini ada-lah ber-asaskan atas nasehat Jawatan-kuasa tersebut.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-kan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 33* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## RANG UNDANG<sup>2</sup> INSTITIUT PE- NYELIDEKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA

### Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengem-mukakan Rang Undang<sup>2</sup> Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia, 1969 di-bachakan kali yang kedua-nya.

Tuan Yang di-Pertua, Bil ini mem-bolehkan penubohan sa-buah badan yang bersendirian (autonomous) dan berkanun di-bawah naungan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerja-sama untuk menjalankan penyelidikan sains, teknik, ekonomi dan sosiologi di-seluroh Malaysia mengenai penge-luaran, penggunaan dan memproses ikan ayer tawar, ternakan<sup>2</sup> dan semua jenis tanaman sa-lain daripada getah. Badan ini, yang akan di-kenali sa-bagai Institiut Penyelidikan dan Pempa-ngunan Pertanian Malaysia atau huruf

rengkas-nya MARDI, akan menjadi pusat untuk mengumpul dan menapis keterangan<sup>2</sup> mengenai perkara<sup>2</sup> sains, teknik dan ekonomi yang berkaitan dengan perusahaan pertanian di-Malaysia. Ia akan mengadakan pakar<sup>2</sup> perkembangan di-peringkat pusat untuk berkhidmat sa-bagai perantaraan teknik di-antara makmal<sup>2</sup> MARDI dengan seteshen<sup>2</sup> perhubungan dan pekerja<sup>2</sup> perkembangan di-peringkat pusat dan negeri<sup>2</sup>. Ia akan membantu dan menasihati berkenaan dengan latehan<sup>2</sup> pekerja<sup>2</sup> untuk ranchangan<sup>2</sup> penyelidekan dan perkembangan. Instituit ini juga akan mengadakan peruntukan kewangan bagi membiayai penyelidekan borong (contract research) oleh badan<sup>2</sup> penyelidekan sendirian atau am yang berkelulusan.

Ada beberapa sebab<sup>2</sup> yang mendesak bagi menubuhkan sa-buah badan penyelidekan dan perkembangan yang sa-umpama ini. Pertama, kerana sa-bagai sa-buah badan yang bersendirian ia boleh menjalankan pentadbiran yang bebas di-kehendaki untuk penyelidekan yang membena dan berkesan dan meninggikan moral kaki-tangan-nya. Sa-buah badan berkanun yang bebas boleh membenarkan pengambilan pegawai<sup>2</sup> penyelidekan dan pentadbiran yang betul<sup>2</sup> mahir dan berkelayakan yang mana ada-lah tersangat penting memandang kepada rebutan yang sa-makin hebat sekarang ini untuk mendapatkan pekerja<sup>2</sup> penyelidekan yang berkelulusan tinggi, sama ada di-dalam atau pun di-luar Malaysia.

Instituit ini akan memberi keutamaan istimewa kepada masaalah<sup>2</sup> praktikal yang mustahak dalam pembangunan pertanian. Untuk menjamin kesedaran yang terus menerus mengenai keperluan<sup>2</sup> penyelidekan yang mendesak Instituit ini akan bekerja rapat dengan badan<sup>2</sup>, seperti Majlis Pekebun<sup>2</sup> Kelapa Sawit, Lembaga Perusahaan Nenas dan lain<sup>2</sup> badan sa-bagai-nya. Di-samping itu, sa-buah jawatan-kuasa penasehat penyelidekan yang di-wakili oleh pekebun<sup>2</sup>, pengilang<sup>2</sup> atau lain<sup>2</sup> kumpulan daripada perusahaan pertanian akan di-tubuhkan untuk menjamin penumpuan yang tepat terhadap penyelidekan

yang sangat<sup>2</sup> di-perlukan di-lapangan<sup>2</sup> yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah merupakan satu langkah kemajuan pertanian yang pesat, yang di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan di-negeri kita bagi kemajuan negara pada keseluruhannya. Baharu sahaja sa-bentar tadi atau pagi tadi kita telah luluskan Undang<sup>2</sup> bagi menubuhkan Bank Pertanian untuk membantu petani<sup>2</sup> dan pada petang ini kita menubuhkan satu badan baharu yang di-namakan MARDI ia-itu badan penyelidekan dan penyiasatan bagaimana-kah perkembangan<sup>2</sup> pertanian dan perikanan boleh di-jalankan lebih pesat lagi. Kita pada hari ini bergantung sa-mata<sup>2</sup> kepada getah dan kelapa sawit sa-bagai sumber hasil pertanian yang besar dan ada-lah di-harapkan seperti yang di-sebutkan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia akan mengadakan tanaman yang ketiga besar-nya sa-lain daripada getah dan kelapa supaya ekonomi negara kita tetap akan terpelihara tegoh pada masa yang akan datang.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang<sup>2</sup> yang di-hadapan kita ini ada-lah mengenai Instituit Penyelidekan dan Kemajuan Pertanian Malaysia dan apa yang saya dengar sa-bentar ini penjelasan daripada Yang Berhormat Senator Abdul Ghafar yang mengemukakan Rang Undang<sup>2</sup> ini chukup luas bidang dan tugas Instituit ini. Oleh kerana lapangan bagi Instituit ini terlalu luas, maka sukachita-lah saya hendak menarek perhatian pehak Kerajaan (penyelidekan ini harus-lah di-lakukan sa-chara meluas sunggoh<sup>2</sup> yang bukan sahaja mengenai dengan padi, nenas dan sa-bagai-nya tetapi sampai kepada apa yang boleh di-buat daripada padi, nenas dan yang datang daripada benda yang di-namakan padi itu mithal-nya dedak dan sa-bagai-nya dan sampai kulit nenas mithal-nya boleh di-buat jam semua-nya harus di-lakukan penye-

lidekan yang mendalam yang membolehkan tiap<sup>2</sup> benda yang terdapat dalam negeri ini makanan semua-nya mata pencharian ra'ayat dan menambahkan pengeluaran dan kekuatan

berbagai<sup>2</sup> barang bukan sahaja perhiasan, tetapi boleh di-jadikan berbagai<sup>2</sup> bahan lain jika di-dapati kesan<sup>2</sup>-nya boleh di-gunakan bagi maksud<sup>2</sup> ekonomi.

ini maseh lagi dalam peringkat bertaleh<sup>2</sup> arti-nya berjalan-nya terpimpin<sup>2</sup>. Jadi kalau sa-kira-nya Fund ini di-maksudkan datang-nya daripada Co-operative<sup>2</sup>, daripada Sharikat Kerjasama di-dalam negeri ini bagi maksud yang sa-patut-nya Kerajaan menanggung-nya, tentu-lah tidak berapa menyedapkan sangat.

Pada pendapatan saya ada lebeh baik Fund ini di-gunakan untuk menjayakan ranchangan<sup>2</sup> biasiswa kepada anak<sup>2</sup> ahli<sup>2</sup> Sharikat Kerjasama dengan merupakan satu tabong yang lebeh besar, merupakan nasional, sa-kali pun di-dalam tiap<sup>2</sup> Undang<sup>2</sup> Sharikat Kerjasama itu telah menyebutkan hak<sup>2</sup> Sharikat Kerjasama itu memberi biasiswa dengan kebenaran daripada pegawai Kerajaan atau daripada pekerja<sup>2</sup>-nya tetapi merupakan nasional, arti-nya patut di-adakan, tetapi apa yang di-maksudkan mengikut penjelasan yang di-berikan di-Dewan ini sa-bentar tadi ia-lah guna-nya untuk di-kirimkan keluar negeri, menghadhiri seminar dan sa-bagai-nya, saya fikir Kerajaan patut mengambil tanggung-jawab dalam perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, Sharikat Kerjasama di-negeri kita ini perlu mendapat didekan, pimpinan terus-menerus dan perkara ini kita nampak Kerajaan memang bersungguh<sup>2</sup> dalam perkara ini sa-takat yang dia boleh buat. Maktab kita telah ada, dan pelajar<sup>2</sup>-nya sentiasa ada, tetapi kehasilan daripada ada-nya Maktab berpuluh<sup>2</sup> tahun lama-nya di-negeri kita ini tidak begitu memuaskan hati kita. Banyak daripada Sharikat Kerjasama yang di-kampong<sup>2</sup> kechewa oleh kurang kechekapan dalam pentadbiran-nya, banyak daripada Sharikat Kerjasama yang dipimpin oleh orang yang ada pelajaran

bangsa<sup>2</sup> lain di-negeri<sup>2</sup> dalam dunia ini, mithal-nya saperti Denmark, Afrika Selatan, Canada dan lain<sup>2</sup> lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu apa-kah yang di-didek sa-lain daripada chara Cash Book dan sa-bagai-nya dan Undang<sup>2</sup> Sharikat Kerjasama di-dalam Maktab itu, sebab saya perchaya Sharikat Kerjasama ini berpuncha daripada kejujoran, itu-lah yang menentukan berjaya atau tidak berjaya-nya Sharikat Kerjasama itu. Kejujoran ada-lah pokok yang pertama. Ini tentu-lah di-sharahkan dan diterangkan oleh pensharah<sup>2</sup> di-Maktab Kerjasama, tetapi hasil sharahan itu kadang<sup>2</sup> pensharah-nya mengalirkan ayer mata mencheritakan dengan ikhlas apa yang patut di-buat untuk membangun ekonomi. Hasil-nya tidak ada apa<sup>2</sup> juga.

Saya pernah bertanya pada satu orang yang pernah mengambil kursus kerjasama di-luar negeri. Apabila beliau mencheritakan kepada saya bagaimana kemajuan sharikat kerjasama di-Canada, orang-nya dapat mengumpulkan modal, kemudian itu menjadi bertambah besar, sampai ada tiap<sup>2</sup> ahli kerjasama itu mempunyai sa-buah motokar, hidup dengan keluarga yang chukup aman damai, rumah tangga sendiri semua-nya, dia kata orang-nya chukup jujor. Itu sebab yang menjayakan sharikat kerjasama itu. Saya tanya dia ada-kah di-dalam kampong<sup>2</sup> mereka itu ada gereja, dia kata ada. Saya bertanya ada-kah orang<sup>2</sup> itu ta'at beragama, berulang alek ka-gereja itu di-negeri Eropah, di-Canada. Dia jawab ya. Mereka itu ada-lah religious minded. Ini-lah kunchi-nya atau rahsia-nya kejayaan sharikat kerjasama yang sa-benar-nya. Masharakat bandar tidak boleh menjayakan betul<sup>2</sup> sharikat kerjasama

saya berchakap bagini tentu-lah pehak Kerajaan nanti kata ini hendak bawa ka-akhirat semua. Sedangkan saya, Tuan Yang di-Pertua, hidup di-dunia ini masaalah ini chukup penting kalau kita mahu kejayaan. Kita tidak boleh berjaya dengan mengharapkan dengan teori<sup>2</sup> mengajar dan ilmu mengajar sama sa-kali dengan tidak di-tanam ka-dalam jiwa-nya jiwa kejujoran itu sa-benar-nya.

Yang kedua mesti ada perlindungan (protection) dan preserve daripada pehak Kerajaan sendiri. Apa<sup>2</sup> benda yang di-usahakan oleh pehak sharikat kerjasama mesti-lah di-beri perlindungan oleh Kerajaan dengan undang<sup>2</sup> sa-hingga tidak ada badan<sup>2</sup> lain merupakan badan<sup>2</sup> private yang boleh menjalankan perniagaan yang seperti itu, yang kemudian itu compete atau berlawan dengan apa yang di-usahakan oleh sharikat kerjasama. Dengan jaminan itu erti-nya sedikit monopoli kepada apa yang di-namakan sharikat itu membolehkan mereka itu bertambah maju. Dengan syarat ada religious minded, ada ketegohan dan keyakinan dan kebaikan hati mereka itu baharu-lah boleh menjaminkan. Kalau tidak sharikat<sup>2</sup> ini tidak boleh dapat untong yang banyak. Bila tidak dapat untong yang banyak fund yang kita harapkan untuk di-masokkan dalam satu peratoran yang bakal di-wujudkan akan datang tidak-lah boleh menolong apa<sup>2</sup>, kerana sedikit sangat yang akan dia boleh. Saya harap kalau dia berjaya betul<sup>2</sup> duit-nya banyak pada masa itu tidak ada apa<sup>2</sup> halangan pada saya, patut-lah pada saya kalau sa-kira-nya duit di-gunakan untuk membelanjakan bagi seminar, tetapi sa-lama keadaan seperti sekarang ini, saya rasa Kerajaan sendiri yang patut mengambil tanggung-jawab dan jangan ganggu duit yang sedikit sa-banyak itu.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu mengatakan sharikat kerjasama maseh lembab, tidak maju, tetapi Bill ini ada-lah memberi kuasa kepada Menteri menubuhkan sa-buah tabong,

kerana wang telah berlebeh. Ini-lah tanda menunjukkan perjalanan sharikat telah maju. Dahulu sharikat bergantung sa-mata<sup>2</sup> kepada Kerajaan dan sekarang sharikat mengaku boleh berdiri atas kaki sendiri, itu-lah bukti menunjukkan sharikat telah maju, tidak-lah seperti yang di-tuduhkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kalau dahulu-nya dia boleh bergerak sendiri, sekarang hendak bergantung kepada Kerajaan, itu boleh kata mundur. Beliau menyebut perkataan jujur. Perkara jujur tidak boleh di-buat dengan chara undang<sup>2</sup>. Kalau semua orang dalam dunia ini jujur, Dewan Negara pun tidak payah di-tubuhkan, Dewan Ra'ayat pun tidak payah bersidang, jika masing<sup>2</sup> berpegang tegoh kepada Qu'ran semua-nya berjalan dengan selamat. Jadi fasal banyak orang tidak jujur, Tuan Yang di-Pertua, maka di-adakan police station, ada Dewan Ra'ayat, ada Dewan Negara membuat undang<sup>2</sup> untuk menjaga manusia.

Dan saya berasa suka hati mendengar luas-nya pandangan Ahli Yang Berhormat itu ia-itu orang yang masuk gereja selalu boleh jadi jujur. Sebab itu-lah Perikatan banyak buat masjid di-Kelantan supaya orang sana pun jadi jujur, tetapi malang-nya beliau ini juga menentang, jadi serba salah sungoh saya di-buat oleh Ahli Yang Berhormat ini.

Pergerakan sharikat kerjasama kita di-Malaysia ini bukan-lah bertujuan hendak mencari untong yang banyak tetapi pokok-nya ia-lah hendak mendidek ra'ayat supaya mempunyai kemahuan dalam ilmu perniagaan dan apabila mereka telah terlatih dengan baik di-situ mereka boleh menubuhkan kampeni<sup>2</sup> dan mereka boleh membuat keuntongan sa-berapa banyak yang mereka suka.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengeruskan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 dan 2* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

### THE PENSIONS (TEMPORARY PROVISIONS) (SARAWAK) BILL

#### Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencha-dangkan the Pensions (Temporary Provisions) (Sarawak) Act, 1969 di-bacha bagi kali yang kedua.

Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat di-dalam Dewan ini sedia ma'alum bahawa satu Rang Undang<sup>2</sup> yang sa-rupa bagi negeri Sabah telah di-kemukakan dalam Dewan ini. Bagitu juga dengan keadaan Undang<sup>2</sup> Pensen (Peruntokan Sementara) (Sabah) Act, 1967 ada-lah perlu pindaan di-buat kepada Undang<sup>2</sup> Pensen Sarawak Bab 89 untuk memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya dapat di-keluarkan perintah (order) dalam *Warta Kerajaan* bagi melaksanakan tujuan<sup>2</sup> bagi membolehkan pegawai<sup>2</sup> Kerajaan yang tertentu di-Sarawak untuk bersara dengan di-beri faedah<sup>2</sup> penchen dan persaraan jika mereka bertanding dalam pilihan raya dalam Dewan Undangan Negeri.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengeruskan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

### THE WIDOWS AND ORPHANS PENSION (AMENDMENT) BILL

#### Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencha-dangkan the Widows and Orphans Pension (Amendment) Act, 1969 di-bacha pada kali yang kedua.

Ada-lah di-ma'alumkan kepada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat bahawa satu daripada sharat<sup>2</sup> bagi sa-saorang pegawai awam itu di-kenakan mencharum kepada Ranchagan Penchen Balu dan Anak Yatim ini ia-lah ia-nya hendak-lah terhad oleh undang<sup>2</sup> kepada isteri sahaja pada sa-suatu masa.

Tujuan Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-lah untuk menjelaskan ia-itu peruntokan<sup>2</sup> di-dalam Undang<sup>2</sup> Penchen Balu dan Anak Yatim (F.M.S. Cap. 26) ia-lah juga di-kuat-kuasakan kepada mana<sup>2</sup> pegawai awam dari keturunan China atau India Selatan yang telah berkahwin menurut chara ugama Keristian, walau pun menurut undang<sup>2</sup> diri-nya (personal law) dia tidak di-hadkan kepada satu isteri pada satu masa. Juga Rang Undang<sup>2</sup> ini bertujuan menegaskan ia-itu tiada siapa pun akan di-layakkan menerima apa<sup>2</sup> bayaran balek daripada charum<sup>2</sup> mereka kepada ranchangan ini, kechuali sa-bagaimana yang di-benarkan oleh peruntokan yang terkandung di-dalam Undang<sup>2</sup> (F.M.S. Cap 26) ini.

Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat mungkin ketahui bahawa Kerajaan sekarang telah membuat keputusan memansokhkan Ranchangan Penchen Balu dan Anak Yatim yang sedang berjalan bagi pegawai<sup>2</sup> awam di-negeri ini. Sa-belum keputusan ini dapat di-laksanakan ada beberapa kerumitan undang<sup>2</sup> dan teknikal yang terpaksa di-kaji. Ran-

changan Penchen Balu dan Anak Yatim ini ada-lah berasaskan kepada perinsip<sup>2</sup> akhuari dan di-kuat-kuasakan mengikut undang<sup>2</sup>. Oleh sebab ini keputusan Kerajaan hendak memansokhkan Rancangan Penchen Balu dan Anak Yatim itu mengambil masa lagi melaksanakan.

Faktor yang kedua ia-lah Kesatuan<sup>2</sup> Pekerja yang berkenaan telah menyatakan bahawa pegawai<sup>2</sup> yang telah mencharum beberapa lama, mithal-nya 20 tahun, hendak-lah di-beri peluang tinggal terus di-dalam Rancangan Penchen Balu dan Anak Yatim itu.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-kan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

### **THE SABAH PORTS AUTHORITY (CONSEQUENTIAL PROVISIONS) (AMENDMENT) BILL**

**Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menchadangkan The Sabah Ports Authority (Consequential Provisions) (Amendment) Bill di-bacha bagi kali yang kedua.

Mengikut Sekshen 16 Undang<sup>2</sup> ini Lembaga Pelabohan Sabah No. 25 tahun 1968 memberi kuasa supaya kewajipan<sup>2</sup> polis dalam had sa-suatu kawasan yang di-ishtiharkan sa-bagai

sa-buah pelabohan di-bawah Enactment Lembaga Pelabohan Sabah No. 9 tahun 1967 bagi negeri Sabah hendak-lah di-jal'ankan oleh Polis Pelabohan yang terdiri daripada Anggota<sup>2</sup> Polis di-Raja Malaysia. Akan tetapi pehak berkuasa Polis tidak dapat mengadakan anggota<sup>2</sup> Polis biasa bagi maksud itu dan oleh yang demikian telah mengatorkan supaya kewajipan<sup>2</sup> bila di-serahkan-nya kepada Lembaga Pelabohan Sabah pada 1hb Disember, 1968 dan Rang Undang<sup>2</sup> ini bermaksud hendak memansokhkan Sekshen itu supaya jagaan polis bagi kawasan<sup>2</sup> pelabohan di-bawah Lembaga Pelabohan<sup>2</sup> Sabah di-jal'ankan oleh perkhidmatan<sup>2</sup> Lambaga yang di-beri kuasa polis di-bawah Undang<sup>2</sup> Polis bilangan 41 tahun 1967.

Pasokan Polis yang berkekalan dengan sa-buah Lembaga Pelabohan mungkin dapat menchapai kecekapan yang lebeh dengan kerana ahli<sup>2</sup> pasokan itu bekerja tetap dan memperolehi pengetahuan yang tertentu di-dalam masaalah<sup>2</sup> polis berkaitan dengan pelabohan. Satu lagi faktor yang kerap kali memberi kesan kawalan polis yang baik dan lichen ia-lah perhubungan terus di-antara pehak majikan dan pekerja<sup>2</sup> ia-itu pasokan polis.

Untuk membolehkan Pasokan Polis kepunyaan Lembaga Pelabohan Sabah di-beri kuasa<sup>2</sup> Polis di-bawah Undang<sup>2</sup> Polis bilangan 41 tahun 1967 maka perlu-lah Sekshen 16, Undang<sup>2</sup> Lembaga Pelabohan Sabah Bilangan 25 tahun 1968 di-batalkan.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## **RANG UNDANG<sup>2</sup> KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA**

### **Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menchadangkan the Employees' Social Security Bill di-bachakan bagi kali yang kedua.

Ranchangan yang di-chadangkan yang terkandung dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini akan di-pakai terhadap semua perusahaan yang mempunyai pekerja<sup>2</sup> saramai lima orang, atau lebeh yang mendapat gaji hingga \$500 sa-bulan. Oleh yang demikian pekerja<sup>2</sup> yang diambil bagi menjalankan kerja bukan dari jenis kasar yang mendapat gaji lebeh daripada \$400 hingga \$500 sa-bulan yang pada masa ini tidak termasuk di-bawah Ordinance Pampasan Orangkerja akan juga di-lindungi dan menerima faedah di-bawah ranchangan yang di-chadangkan itu.

Ordinance Pampasan Orangkerja, 1952 mengandongi beberapa kelemahan-nya sendiri ia-itu ada perhubungan sa-chara langsung di-antara jumlah pampasan dengan tanggungan majikan<sup>2</sup> dan ini boleh menimbulkan godaan kepada majikan<sup>2</sup> untuk mengelakkan tanggong-jawab-nya. Kelelahan ranchangan insuran benchana kerja ini ia-lah bahawa ia memberi faedah yang sa-penoh-nya bukan sahaja dengan berupa wang bahkan juga dengan faedah<sup>2</sup> yang tidak berupa wang bahawa ranchangan ini berasaskan wang yang terkumpul dan ia-nya mempunyai achara<sup>2</sup> bagi menyelenggarakan segala tuntutan, memberi keputusan mengenai faedah<sup>2</sup> dan membayar faedah<sup>2</sup>. Sa-jauh yang mengenai majikan<sup>2</sup> ranchangan ini melepaskan segala tanggungan kewangan mereka di-bawah Ordinance Pampasan Orang

kerja dan akan menghilangkan apa<sup>2</sup> juga puncha pergeseran di-antara majikan dengan pekerja<sup>2</sup> mengenai perkara berhubung dengan benchana kerja. Perbelanjaan yang besar di-dalam ranchangan yang di-chadangkan itu akan timbul di-bawah hilang-upaya yang kekal dan kematian dan sa-jauh yang mengenai pekerja<sup>2</sup> pula ranchangan ini telah di-taksirkan oleh Akchuari bahawa ranchangan ini bernilai kira<sup>2</sup> dua kali ganda lebeh daripada Pampasan Orangkerja.

Berkenaan keilatan di-sebabkan oleh penyakit, atau benchana akibat dari apa juga sebab, pada masa ini sa-orang ilat lebeh bergantung kepada khairat daripada sa-suatu ranchangan kebajikan yang tersusun kechuali sa-orang pekerja yang termasuk di-bawah Ordinance Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951, yang memberi hak kepada pekerja itu mengeluarkan wang yang ada dalam kredit-nya dengan syarat ia tidak berdaya dari segi jasmani atau akal fikiran mengambil bahagian dalam apa<sup>2</sup> pekerjaan sa-lanjut-nya. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, walau pun berfaedah untuk bekal tua, tetapi tidak chukup untuk menjamin keselamatan sa-saorang ilat dari segi ekonomi.

Rang Undang<sup>2</sup> Keselamatan Sosial ini ada-lah berasaskan prinsip tertentu yang di-terima di-kalangan antarabangsa dan di-ikuti pada am-nya oleh negeri<sup>2</sup> lain ia-itu ranchangan ini sapatut-nya-lah adil kepada majikan serta juga kepada pekerja dan boleh mengelakkan kesusahan di-pehak orang yang berpendapatan kechil. Tiada apa<sup>2</sup> charum yang di-kehendaki di-bayar oleh pekerja bagi ranchangan insuran benchana kerja kerana ranchangan itu chuma menggantikan tanggungan majikan di-bawah Ordinance Pampasan Orangkerja. Charum pekerja bagi ranchangan penchen ilat tidak boleh lebeh daripada 50% daripada jumlah charum. Ranchangan ini mesti-lah ekonomik dari segi pentadbiran-nya sa-imbang dari segi akchuari dan kukoh dari segi kewangan dan ia-nya mesti-lah jangan berchita<sup>2</sup> terlampau tinggi dan juga hendak-lah dari mula-nya

Saya tidak menentang ini dari segi itu sa-mata<sup>2</sup>, saya menentang ini dari segi human right—hak kemanusiaan, sebab kalau sa-kira-nya pekerja ini boleh memberi hak undi, pekerja ini boleh meruntuhkan ekonomi negara sebab dengan mogok-nya menyebabkan majikan<sup>2</sup> susah, sebab itu mesti di-buat Undang<sup>2</sup> untok menjamin mereka dengan jalan itu mereka dapat lemah lembut. Itu satu bahagian, satu kali pandang, sa-pintas lalu kita memandang. Tetapi satu Kerajaan harus memikirkkan seluroh ra'ayat. Bagaimana-kah seluroh ra'ayat itu mesti mendapat jaminan sosial dan Kerajaan mesti membuat Undang<sup>2</sup> itu dan mengikut Undang<sup>2</sup> itu dan membela kehidupan seluroh ra'ayat dalam negara ini. Tauke<sup>2</sup> dan saudagar<sup>2</sup>, ahli<sup>2</sup> perniagaan, boleh di-kenakan chukai dan dengan chukai itu dia tak payah mencharum; memang chukai itu sudah menjadi tabong negara, Kerajaan mesti mengmabil tanggung-jawab memberi jaminan sosial kepada seluroh ra'ayat dalam negara ini. Seluroh ra'ayat dalam negara ini berguna belaka. Mereka mempunyai hak mengundi, boleh menaikkan Kerajaan dan merubah Kerajaan dan mereka itu ada-lah anggota<sup>2</sup> yang tidak boleh di-biarkan begitu. Beberapa banyak manusia di-dalam negara kita ini yang tidak mempunyai majikan dan bekerja dengan titek peloh-nya sendiri. Kalau dia menderita sakit, siapa-kah yang boleh menyelamatkan dia?

Apa yang berlaku hari ini kalau sa-orang Senator sakit, boleh dapat ubat sekian, baik di-hospital. Kalau orang yang atas tinggi lagi daripada Senator, masok hospital dia ada ubat di-dalam simpanan yang boleh di-beri harga-nya yang lebeh baik, tetapi kalau ra'ayat marhin yang sakit dia di-beri ubat yang kelas tiga, kelas enam. Jadi ada kelas<sup>2</sup> dalam masyarakat kita. Jadi Kerajaan sendiri pun menjalankan kelas<sup>2</sup> dalam negara kita ini. Jaminan sosial mesti di-pandang sama rata kapada semua ra'ayat, tidak kira keturunan, ugama atau pun apa pangkat, atau jawatan-nya. Tidak ada satu manusia yang hina dalam negara ini

yang mesti di-biarkan tidak dapat jaminan sosial oleh Undang<sup>2</sup> dan daripada Kerajaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya memandang ini dengan pandangan kemanusiaan bahawa sa-barang Kerajaan yang baik seperti negara kita ini, Kerajaan Perikatan yang murah hati, patut memikirkkan dari sudut ini, dari sudut kepentingan seluroh ra'ayat, bukan dari satu sudut kepentingan pekerja<sup>2</sup> sahaja, hanya sa-bahagian daripada ra'ayat negara ini.

Orang<sup>2</sup> yang pergi ka-laut menggadai nyawa, dia bekerja dengan tidak merupakan majikan hanya konterek bagitu atau pun ambil upah sadikit<sup>2</sup> yang tak boleh terta'alok di-bawah Undang<sup>2</sup> ini. Dia mungkin di-tangkap jerong dan putus kaki-nya sa-belah. Siapa-kah yang dapat menjamin-nya? Sedangkan ikan yang di-tangkap itu menjadi makanan yang sedap kapada orang<sup>2</sup> besar yang dudok di-bandar<sup>2</sup> dan kapada kita semua, kita mengharapkan ikan ada, kalau tiga hari ikan ta' ada di-pasar, kita sudah mengeloh kerana makan daging. Kita mahukan ikan, tapi orang yang menchari ikan<sup>2</sup> itu kita pandang hina. Tidak ada satu manusia yang hina walau pun penyapu longkang dalam bandar, dia ada-lah sama mulia dengan orang lain yang walau pun berapa besar pangkat-nya dalam negara kita. Sebab kalau dia tidak menyapu longkang, bandar penoh kotor dan bila bandar penoh kotor penyakit akan banyak, pada masa itu doktor apa pun tidak ada guna. Penyakit berkembang. Manusia semua akan menderita. Tidak ada siapa yang hina, sebab itu Kerajaan bila membuat Undang<sup>2</sup> Jaminan Sosial undang<sup>2</sup> mesti-lah meliputi seluroh ra'ayat dalam negara ini bagi mendapat hak yang sama dan tidak ada perbezaan, dalam melayan manusia mesti-lah di-layan sa-bagai manusia dengan tidak ada kelas<sup>2</sup>, kelas satu, kelas dua dan kelas tiga. Sekian.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Tuan Yang di-Pertua, dalam membahathkan Rang Undang<sup>2</sup> Keselamatan Sosial Pekerja ini, saya suka-lah hendak

mengambil peluang memberikan sedikit pendapat. Saya rasa seluruh kaum pekerja di-Malaysia ini menyambut baik dan menunggu<sup>2</sup> sa-buah Rang Undang<sup>2</sup> yang merupakan kebajikan dan untok kebaikan mereka yang telah pun di-kemukakan di-dalam Dewan ini. Tidak siapa pun yang dapat menafikan bahawa di-dalam Malaysia ini dari semenjak Kerajaan Perikatan mentadbirkan negara ini sahaja-lah, maka kebaikan dan kebajikan kaum pekerja dari sa-masa ka-samasa telah begitu di-ambil perhatian yang berat oleh Kerajaan dan dari sa-masa ka-samasa nasib kaum pekerja telah di-perbaiki dan di-tambah gajinya dan layanan<sup>2</sup> apa sahaja tindakan<sup>2</sup> yang di-jalankan oleh Kesatuan<sup>2</sup> Pekerja untok kepentingan mereka telah dapat layanan<sup>2</sup> yang memuaskan.

Bagaimana yang tersebut di-dalam Perlembagaan kita sendiri bahawa hak asasi kaum pekerja di-negara kita ini telah di-beri jaminan yang betul<sup>2</sup> dapat di-katakan pada tempat-nya untok kepentingan mereka. Saya rasa di-dalam soal menyatakan jaminan sosial pada keseluruhan-nya yang di-kehendaki oleh rakan saya yang menyebutkan-nya tadi, mungkin barangkali rakan saya ini kurang pengertian oleh kerana tujuan Rang Undang<sup>2</sup> ini di-maksudkan kepada Kesatuan<sup>2</sup> Pekerja yang kita tahu mempunyai beberapa kerumitan, beberapa kesulitan terutama-nya yang tak dapat kita nafikan dari tekanan<sup>2</sup> yang ada di-sekeliling mereka. Sa-bagai bapa yang di-katakan oleh rakan saya tadi ia-lah Kerajaan, maka dengan sebab itu-lah Kerajaan dari sa-masa ka-samasa mengadakan, mewujudkan beberapa pindaan, beberapa tambahan, beberapa Undang<sup>2</sup> untok di-kemukakan di-Dewan, di-dalam Dewan Ra'ayat dan juga di-dalam Dewan Negara ini bagi menjamin keselamatan mereka dari sa-barang tekanan. Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau sa-benar<sup>2</sup>-nya jaminan sosial yang di-kehendaki pada keseluruhan-nya oleh pihak yang mengatakan tadi, saya rasa barangkali tentu-lah tidak pada tempat-nya, kerana pada tiap<sup>2</sup>

bahagian masyarakat yang tertentu mempunyai tugas dan perjuangan-nya yang tersendiri. Mithailan-nya kalau kaum tani dengan keadaan perjuangan kaum tani-nya juga di-berikan perhatian oleh Kerajaan. Kaum buroh di-maksudkan untok kepentingan kaum buroh juga mendapat bahagian. Jadi apa yang di-nyatakan oleh rakan saya tadi di-dalam soal menyatakan keseluruhan untok jaminan keselamatan sosial ini, memang sudah pun di-jalankan dan meliputi keseluruhan apa yang di-maksudkan oleh-nya. Jadi dalam perkara ini, saya rasa bagaimana yang selalu saya katakan soal<sup>2</sup> mengenai kepinchangan masyarakat, kepinchangan sosial yang berlaku pada keseluruhan-nya dalam semua jurusan ada-lah di-sebabkan oleh hasutan, adal-ah di-sebabkan oleh dorongan daripada pihak<sup>2</sup> yang tidak bertanggung-jawab terutama dari pihak Pembangkang daripada pemimpin<sup>2</sup> parti PAS ini yang mana mereka telah menghasut dan memesongkan fikiran dan perasaan untok bertindak di-luar garisan. Dengan sebab itu-lah dengan cara tidak langsung tekanan<sup>2</sup> muncul walau pun perkara ini di-chuba di-kawal oleh Kerajaan.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya pada tempat-nya-lah saya menyokong Rang Undang<sup>2</sup> Keselamatan Sosial Pekerja ini di-kemukakan. Chuma saya ingin hendak menjelaskan sedikit, barangkali Yang Berhormat Menteri Tanpa Jabatan ini agak tersilap sedikit, sa-malam sa-betul-nya saya tidak menuduh kaum pekerja kita di-sifatkan sa-bagai hamba abdi di-zaman Kerajaan Perikatan atau pun di-zaman Malaysia Merdeka ini. Ini chuma saya menceritakan sejarah kaum pekerja di-zaman hamba abdi dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia meminta kebenaran, beri?

**Tuan Saidon bin Kechut:** Bo'leh.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Saya tidak mengatakan Ahli Yang Berhormat berkata begitu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak kata begitu.

**Tuan Saidon bin Kechut:** Terima kaseh, saya pun tidak berkata bagitu.

**Menteri Buroh (Tuan V. Manickavasagam):** (*dengan izin*) Mr President, Sir, I would like to thank Honourable Members for having supported this very important Bill. The Lower House debated this at length, and there too Members supported it unanimously, both from the Government Benches and from the Opposition.

Sir, with regard to the question raised by the Honourable Tan Sri T. H. Tan, at the moment invalidity is not covered under the Workmen's Compensation Ordinance. This is a new contingency that we are covering under the present Bill. The Government has already announced its intention of bringing in sickness and maternity benefits within this scheme. Of course, it will take some time, and from the experience that we have gained and from the administrative difficulties that we could overcome, these contingencies would come in. Sir, it is to be remembered that the Scheme has to be progressed taking into consideration the resources of the country, both human and financial. The Invalidity Pension Scheme will be applicable immediately it comes into operation all over the country and would cover about 800,000 people, though the employment injury would be covered in five centres for the time being and, from the experience gained, it will be extended to other areas.

Sir, with regard to the point raised by the Honourable Senator Amaluddin, this Social Insurance Scheme, if it is to be extended to all categories of workers, whether they are self-employed or whether they are working, it has to be studied whether it can stand the insurance premium. As a contributory Scheme, we will have to make sure that the funds are properly looked into and that the Scheme can run satisfactorily. So, for the time being, not only here but in any country, it has to be started with great care, and of course it is the intention of the Government to cover as many people

as possible and at a later stage, we may bring in people like fishermen and others working in F.L.D.A. Schemes, and other people too. The Honourable Enche' Saidon bin Kechut had given certain replies to Yang Berhormat Enche' Amaluddin Darus. Sir, I can assure this House that it is the intention of the Government to extend this to as many people as possible and to as many areas as possible, and once the Scheme comes into operation, from the experience gained, we will go to the next step.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjawab sekali lagi ucapan Senator Amaluddin Darus. Undang<sup>2</sup> yang kita bawa ini ia-lah Employees' Social Security Bill ia-itu Undang<sup>2</sup> menjaga pekerja<sup>2</sup>. Apabila di-katakan pekerja<sup>2</sup> maka tentu-lah ada majikan-nya. Jadi untuk membeia nasib pekerja<sup>2</sup> maka Rang Undang<sup>2</sup> ini di-adakan supaya majikan berlaku adil terhadap pekerja-nya. Negara kita ini menjalankan ekonomi yang bebas dan banyak perengkat<sup>2</sup> perniagaan yang ada di-jalankan, maka semua-nya itu ada-lah menjadi tanggung-jawab Kerajaan untuk membetulkan nasib ra'ayat dalam negeri ini.

Kerajaan boleh di-katakan menjadi orang yang ketiga ia-itu untuk mengawal pehak majikan dengan pehak pekerja-nya dan pehak<sup>2</sup> lain supaya tiap<sup>2</sup> sa-orang mendapat tempat yang sempurna. Bukan-lah ini satu Bill sahaja yang kita bawa dalam Dewan Ra'ayat atau Dewan Negara ini, tetapi semua Bill yang kita luluskan dalam Dewan yang mulia ini ada-lah untuk menjaga kepentingan ra'ayat belaka. Memang-lah chukup sedap di-dengar apabila ucapan yang di-keluarkan oleh beliau ia-itu mengapa-kah ma'nusia ada berkelas-kelas, sedangkan dalam Islam atau sa-bagai-nya mengikut kata beliau tadi hendak-lah sama rata. Uchapan itu memang chukup sedap di-dengar, tetapi malang-nya beliau sendiri tidak mengamalkan-nya. Saya tunjukkan satu contoh di-negeri Kelantan, gaji Menteri Besar hampir<sup>2</sup> \$3,000. Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat mendapat \$500 sa-bulan, tetapi muballigh<sup>2</sup>

yang hendak mengembangkan Islam chuma dapat \$20 sa-bulan. Ini di-mana ada keadilan Kerajaan yang saperti itu, dan yang \$20 sa-bulan ini pun malang-nya, Tuan Yang di-Pertua, kadang<sup>2</sup> empat bulan tidak berbayar. Dan ada satu chara untuk menyedapkan hati muballigh<sup>2</sup> Islam di-Kelantan ia-itu gaji mereka itu di-naikkan daripada \$20.00 hingga \$80.00 tetapi gajinya tidak berbayar. Gaji naik, tetapi bayar-nya tidak. Jadi di-mana letak-nya keadilan? Membidas orang chukup senang, tetapi tinjau-lah apa yang sendiri buat di-Negeri yang di-perentah-nya itu ada-kah perkara yang saperti itu berjalan atau pun tidak.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 109* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Jadual Pertama hingga Jadual Ke-lima* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## **RANG UNDANG<sup>2</sup> PENDAFTARAN PENJENAYAH DAN ORANG<sup>2</sup> YANG TAK DI-INGINI**

**Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya menchadangkan Rang Undang<sup>2</sup> Pendaftaran Penjenayah<sup>2</sup> dan orang<sup>2</sup> yang tak di-ingini di-bachakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-lah supaya ada satu Act yang sama untuk pendaftaran katogeri penjenayah yang tertentu dan orang<sup>2</sup> yang tidak di-ingini yang boleh

di-pakai untuk seluroh Malaysia dan juga menyatukan undang<sup>2</sup> yang ada sekarang sa-bagai satu daya yang penting untuk mencheegah dan mengintip perbuatan jenayah. Di-masa ini ada 3 macham Ordinance yang berlainan mengenai pendaftaran penjenayah<sup>2</sup> di-Malaysia. Ordinance<sup>2</sup> tersebut ia-lah:

- (i) Ordinance Pendaftar Penjenayah<sup>2</sup> (Negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu) tahun 1948;
- (ii) Ordinance Chap<sup>2</sup> Jari (Sabah);
- (iii) Ordinance Chap<sup>2</sup> Jari (Sarawak).

Sa-bagai satu daya untuk mencheegah dan mengintip perbuatan jenayah adalah di-fikirkan perlu supaya di-adakan pengawasan ka-atas semua pendaftaran penjenayah<sup>2</sup> dan orang<sup>2</sup> yang tidak di-ingini di-Malaysia. Satu daftar besar yang mengandongi butir<sup>2</sup> mengenai penjenayah<sup>2</sup> dan orang<sup>2</sup> yang tidak di-ingini mesti di-simpan di-Pejabat Besar Pendaftaran di-Ibu Kota selain daripada daftar<sup>2</sup> yang di-selenggarakan di-Sarawak dan di-Sabah.

Ada-lah di-pandang perlu juga, supaya Menteri yang bertanggung-jawab di-atas perkara ini hendak-lah di-beri kuasa yang penoh untuk memperluaskan bidang bagi butir<sup>2</sup> yang boleh di-daftarkan.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 16* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Jadual Pertama hingga Ketiga* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

### THE NATIONAL LAND CODE (AMENDMENT) BILL

#### Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menchadangkan supaya Rang Undang<sup>2</sup> the National Land Code (Amendment) Act, 1969 di-bachakan bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-lah untuk menghapuskan segala sub-division bersama<sup>2</sup> dengan kesan<sup>2</sup> buroknya. Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah meminda Sekshen 214 Kanun Tanah Negara dengan menambah Sekshen baharu 214A. Di-bawah Sekshen 214A mana<sup>2</sup> tanah estate yang hendak pindah milek kepada dua orang atau lebeh hendak-lah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Lembaga Tanah Estate yang akan di-tubuhkan oleh tiap<sup>2</sup> Kerajaan Negeri. Pendaftar hak-milek tanah di-beri kuasa menolak surat<sup>2</sup> pemindahan instrument of transfer yang tiada di-iringi oleh Sijil Kelulusan dari Lembaga itu. Sa-siapa yang melanggar kehendak Undang<sup>2</sup> ini akan di-kenakan denda yang berat sa-hingga \$10,000.00. Pemohon<sup>2</sup> yang tiada berpuashati dengan keputusan Lembaga itu boleh-lah merayu kepada pehak berkuasa Negeri dalam tempoh 30 hari daripada tarikh keputusan Lembaga itu di-beri tahu, Sekshen 214A (8).

Lembaga Tanah Estate yang tersebut di-atas terdiri daripada Setia-usaha Kerajaan sa-bagai Pengerusi dan tidak lebeh daripada empat orang ahli yang di-lantek oleh pehak berkuasa Negeri daripada Pegawai<sup>2</sup> Kerajaan. Dengan pindaan ini pemecahan ladang yang membawa kesan<sup>2</sup> burok dapat-lah di-kawal dengan lebeh ketat lagi dan oleh kerana Lembaga Tanah Estate tidak akan mengeluarkan Sijil Kelulusan kira-nya di-dapati pemindahan itu akan mengakibatkan pemecahan<sup>2</sup> ladang yang tiada di-ingini.

Saya perchaya pendapat Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat harus berbelah bagi bagitu juga pendapat orang ramai sa-tengahnya bersetuju supaya ladang<sup>2</sup> itu di-pechahkan dan ladang<sup>2</sup> kepunyaan orang luar negeri dapat di-miliki oleh anak negeri dengan mudah-nya, tetapi ada pula keburokan yang berlaku apabila pemecahan estate di-lakukan, maka peluang pekerja bagi buroh<sup>2</sup> dalam estate itu telah di-ketepikan bagi menjaga kepentingan buroh<sup>2</sup> di-dalam estate itu, maka chadangan ini di-keluarkan. Tetapi walau bagaimana pun saya perchaya Lembaga yang akan di-tubuhkan akan bersikap adil menimbang dengan teliti mana<sup>2</sup> permintaan yang patut di-luluskan dan yang tidak di-luluskan. Oleh kerana ada burok dan baik-nya pemecahan ladang<sup>2</sup> estate ini, maka di-harapkan Lembaga tersebut akan membuat keputusan yang adil yang memberikan faedah kepada pehak yang lebeh ramai.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Puan Bibi Aishah binti Hamid Don:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengalu<sup>2</sup>kan Rang Undang<sup>2</sup> yang bernama an Act to amend the National Land Code yang di-bentangkan di-dalam Dewan Negara pada hari ini. Ini ada-lah satu perkara yang saya rasa banyak di-binchangkan oleh orang ramai dalam hal ehwal pemecahan ladang<sup>2</sup> ini. Ada yang bersetuju dan ada yang tidak bersetuju. Tetapi masalah yang saya kemukakan pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah satu perkara yang berlainan sangat, ia-itu mengambil kesempatan di-dalam Amendment kepada National Land Code ini, saya suka-lah juga bersuara, ia-itu kalau-lah dapat sebarang pindaan atau pun apa juga syarat yang di-beri ia-itu kepada pegawai<sup>2</sup> Kerajaan sama.

Kalau sa-kira-nya mereka ini dapat berpeluang memileki ia-itu perpechahan ladang<sup>2</sup> ini sama, kerana saya perchaya bagi pehak pegawai<sup>2</sup> Kerajaan mereka itu ada mempunya<sup>2</sup> Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama mereka itu, kadang<sup>2</sup> Sharikat Kerjasama mereka

ini mempunyai wang yang berpuluh<sup>2</sup> ribu bahkan sampai beratus<sup>2</sup> ribu ringgit banyak-nya. Dan saya percaya mereka ini juga ingin menjadi orang yang mempunyai hak sedikit di-dalam hal ehwal tanah di-dalam negara kita ini dan perkara yang saya kemukakan ini kalau-lah bagi pehak dahulu<sup>2</sup>-nya di-zaman penjajahan bagi pehak pegawai<sup>2</sup> Kerajaan tidak dibenarkan langsung memileki barang sa-bidang tanah pun tetapi sa-te'lah kita merdeka lebeh daripada 12 tahun, saya rasa ini ada-lah peluang yang baik bagi pehak Kerajaan kita mengkaji sa-mula. Kalau-lah pehak pegawai<sup>2</sup> Kerajaan biasa menyuarakan, kalau di-zaman penjajah dahulu mereka ini ada-lah menjadi slave to the colonial master, tetapi zaman kita telah merdeka mereka juga maseh menjadi slave tetapi kepada diri mereka sendiri bahkan mereka juga tidak mempunyai apa<sup>2</sup> dan banyak daripada pegawai<sup>2</sup> Kerajaan kita mempunyai anak<sup>2</sup>, ada yang gagal di-dalam persekolahan dan sa-bagai-nya.

Maka saya mengambil kesempatan di-dalam membahathkan Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-itu mengemukakan kalau-lah dapat bagi pehak Kerajaan kita menimbangkan sa-mula, maka beri-lah kesempatan bagi pehak pegawai<sup>2</sup> Kerajaan kalau dapat mereka dengan sa-chara berkongsi, dengan chara bershariat kerjasama, dapat membeli sa-bidang tanah estate yang akan dijual dengan chara perkongsian bera-mai<sup>2</sup>. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ini ada-lah satu langkah yang sangat menasabah kalau dibenarkan oleh pehak Kerajaan, kalau tidak sa-bagaimana amalan yang dibuat pada masa sekarang ini, kalau sa-kira-nya di-dapati bagi pehak pegawai<sup>2</sup> Kerajaan memileki sa-bidang tanah, maka datang-lah pehak Penchegah Rasuah pula akan mengekori mereka itu mengambil tahu di-manakah wang yang mereka dapati dan sa-bagai-nya dan saya menyeru-lah kalau dapat kita mengambil kesempatan dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini memberi peluang kepada pehak pegawai<sup>2</sup> Kera-

jaan sa-bagaimana yang saya kemukakan. Sekian, terima kaseh.

**Tuan K. R. Somasundram:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang<sup>2</sup> ini saya rasa sangat beri puas hati kepada pekerja<sup>2</sup>, saya rasa beribu<sup>2</sup> pekerja<sup>2</sup> akan berterima kaseh kepada Kerajaan atas Rang Undang<sup>2</sup> ini yang Kerajaan bawa dalam Dewan ini. Ini satu chon-toh bagaimana Kerajaan beri keberatan dalam satu<sup>2</sup> kesusahan bagi beribu<sup>2</sup> pekerja di-ladang<sup>2</sup> getah yang merasa susah di-dalam perkara ini. Saya juga jikalau tidak silap, dua tiga tahun dahulu Kerajaan telah pun luluskan Rang Undang<sup>2</sup> saperti ini, tetapi walau bagaimana pun saudagar<sup>2</sup> ia-itu broker<sup>2</sup> chari lubang dan peluang untuk beli ladang<sup>2</sup> besar dan pechah-belahkan juga.

Di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini saya chuma hendak buat dua perhatian ia-itu dalam Fasal 2 (3) (b) di-mana dalam Lembaga itu, jikalau pandangan saya betul ada mempunyai empat pegawai<sup>2</sup> Kerajaan yang mengambil bahagian. Jikalau dalam Lembaga itu kalau kami dapat satu wakil daripada majikan dan satu wakil daripada pekerja<sup>2</sup>, boleh-lah perkara ini barangkali mendapat timbangan dengan adil.

Lagi satu di-dalam Fasal 2 (4) undang<sup>2</sup> ini berkata jikalau ladang akan di-jual kepada dua orang, atau pun lebeh, baharu perkara ini akan pergi ka-Lembaga ini. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini boleh di-salahgunakan, atau pun abuse oleh saudagar<sup>2</sup> yang buat perniagaan ini pechah-belah ladang<sup>2</sup> getah, umpama-nya jikalau sa-orang saudagar, atau pun satu broker beli satu ladang, dia buat perjanjian dengan 10 orang, kemudian dia minta tukarkan ladang getah ini atas nama-nya sa-orang.

Pada masa itu tukaran ini atau pun transfer ini tidak payah pergi ka-Lembaga ini. Kemudian jikalau ladang getah itu umpama-nya ada sa-luas 4,000 ekar, sa-lepas tukaran ladang ini dia pechah-belahkan sa-orang 400 ekar. Pada masa itu Rang Undang<sup>2</sup> ini tidak dapat di-lakukan. Ini chuma pandangan saya, tetapi saya

suka juga ucapkan terima kasih, sebab Kerajaan dapat membawa satu Rang Undang<sup>2</sup> yang bagini untuk menolong pekerja<sup>2</sup> ladang getah.

Chuma saya suka merayu kepada Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan<sup>2</sup> Negeri, berikan sedikit tugas yang penuh dan sempurna atas perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang<sup>2</sup> yang sedang di-bincangkan pada masa ini ia-lah satu perubahan atau pun satu pindaan kepada National Land Code yang mengenai kawalan terhadap estate<sup>2</sup> supaya dapat di-elakkan pemecahan<sup>2</sup> yang mendatangkan akibat burok kepada nasib pekerja<sup>2</sup> di-ladang<sup>2</sup> atau estate<sup>2</sup> itu. Pihak Kerajaan tentu-lah chukup chekap dan bijak dalam membuat Rang Undang<sup>2</sup> ini, tetapi begitu chekap dan bijak-nya pihak Kerajaan membuat Undang<sup>2</sup> ini belum sampai saya berchakap pihak pekerja sendiri sudah nampak lebeh dahulu ada loophole-nya ya'ani kalau lebeh daripada dua orang yang hendak meminta tukar nama, baharu-lah balek kepada Board atau Lembaga yang akan di-bentok, tetapi kalau sa-orang habis, yang berlaku selalu-nya sa-orang dan sa-orang ini-lah yang memecahkan dan mengakibatkan banyak porak-peranda dan derita kepada keluarga<sup>2</sup> yang hidup beberapa lama di-dalam estate<sup>2</sup> itu.

Sa-kali lalu bagi pihak saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak begitu susah sangat kerana akibat pemecahan estate<sup>2</sup> itu ada banyak juga orang<sup>2</sup> keturunan India yang telah memberi sokongan kepada PAS terutama dalam Pilihan raya di-Baling Barat dahulu. Mereka ikut berkempen walau pun mereka bukan Islam, tetapi mereka tahu PAS membela nasib mereka, kerana itu mereka bekerja untuk menyokong PAS. Tetapi bukan-lah begitu yang saya mengharapkan selama<sup>2</sup>-nya, kerana chara menarek orang menyokong PAS tidak payah mesti dengan chara itu, tetapi pembe- laan nasib mereka itu yang mesti di- fikirkan. Kita tidak boleh menghalang

sa-siapa untuk menjual estate<sup>2</sup> mereka, dan kita gemar kalau sa-kira-nya pihak<sup>2</sup> foreign capital yang sa-lama ini telah mengambil kesempatan dari-pada bumi kita dia hendak jual tanah itu patut-lah anak negeri atau ra'ayat Malaysia ini mengambil tanggung- jawab mengambil alih memileki harta<sup>2</sup> ini. Soal-nya ia-lah hal pemecahan estate ini dengan tidak payah saya huraikan bagaimana permainan yang sedang berjalan sabentar tadi sa-orang wakil sudah berchakap, dia sudah nampak terang siang<sup>2</sup> lagi bahawa ada kelemahan<sup>2</sup> daripada sini yang boleh di-salah gunakan pada suatu ketika kelak.

Yang saya ingin mensarankan dengan ikhlas pada pihak Kerajaan ia-lah mesti di-jamin orang<sup>2</sup> yang hidup di-dalam estate itu mendapat peker- jaan akibat daripada pemecahan estate itu, sa-kira-nya dapat di-buat begitu tidak ada timbul sa-barang masalah. Jika tidak Kerajaan patut- lah menggunakan dengan apa chara sa-kali pun dengan membuat undang<sup>2</sup> wang Provident Fund mithal-nya yang datang daripada kaum pekerja. Kalau kita boleh meminjamkan wang Provi- dent Fund itu untuk Hotel Merlin dan sa-bagai-nya, tidak ada sebab wang Provident Fund yang datang daripada titek peloh pekerja ini tidak boleh di- gunakan oleh Kerajaan dengan undang<sup>2</sup> untuk membela nasib kaum pekerja. Ambil estate itu dengan satu pema- yaran pendahuluan, kemudian itu jadi- kan perkampungan baharu di-situ. Lay-out, adakan jalan, beri milek kepada kaum pekerja, mereka men- dapat kampung baharu saperti Ran- changan F.L.D.A. lebeh kurang, ada persekolahan yang lebeh chantek dan ada jalan raya semua sa-kali. Dengan sendiri-nya selesai masalah mereka itu akan selamat. Tidak akan timbul rasa tidak puas hati dan tidak akan timbul apa yang telah berlaku berse- lerak keluarga<sup>2</sup> yang telah berpuloh tahun hidup dalam estate ini.

Ada fikiran tadi supaya pegawai Kerajaan pun di-beri peluang mengam- bil kesempatan daripada pemecahan estate ini. Ini fikiran sambil lalu dan

saya hormati sangat fikiran macham itu kerana pegawai Kerajaan patut juga mendapat tanah dan siapa juga patut mendapat tanah bagi mereka yang tidak mendapat tahu. Tetapi mengikut pandangan saya, mengikut apa yang saya yakin daripada pengetahuan saya, mengikut apa yang menjadi dasar perjuangan PAS bahawa tanah ada-lah hak utama kepada orang yang mengerjakan tanah. Sa-lama orang yang mengusahakan tanah itu maseh berkehendakkan tanah dia yang lebeh utama di-beri dan di-tolong oleh Kerajaan bagi mendapat-nya, yang sa-lebeh-nya baharu-lah boleh orang lain.

Jadi saya harap Kerajaan akan menimbangkan ini juga dengan samasak<sup>2</sup>-nya supaya keadilan itu berjalan dengan sa-baik-nya dalam negara kita ini bagi kepentingan orang<sup>2</sup> miskin.

**Tuan V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab tiap<sup>2</sup> perkara yang ada berbangkit tadi. Yang Berhormat Senator Bibi Aishah, ada kata pegawai<sup>2</sup> Kerajaan pun patut dapat menolong beli share<sup>2</sup> di-dalam estate melalui co-operative. Ini ia-lah tujuan Kerajaan jika sesiapa pun dia ada duit boleh beli share<sup>2</sup> co-operative atau pun lain<sup>2</sup> kita beri peluang juga. Tetapi kalau dia chari duit daripada jalan salah memang dia hendakkan tanggung-jawab itu.

Sa-lain daripada itu Senator Somasundram ada kata ini brokers memang boleh chari lubang. Jadi kalau siapa pun boleh chari lubang dia mesti mahu chari lubang juga, bukan sahaja di-dalam undang<sup>2</sup> ini, tetapi mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> pun dia chari jalan hendak chari lubang. Dia kata bahawa dalam Part II mahu pehak majikan dan pehak pekerja di-dalam Board. Sunggoh pun tujuan dia ada baik, tetapi Kerajaan sudah fikir jika kita bawa orang majikan atau pun pehak pekerja<sup>2</sup> nanti ini brokers boleh chari lubang lebeh. Jadi sebab itu juga kita melantek pegawai<sup>2</sup> Kerajaan sahaja. Bagaimana pun kita nanti bila masa undang<sup>2</sup> ada jalan kita boleh timbang patut-kah bawa orang<sup>2</sup> lain.

Yang Berhormat Senator Amaluddin pun kata, Undang<sup>2</sup> ini ada loophole pula. Jadi loophole mana pun boleh chari, tetapi kita boleh beri tight itu dengan chukup bila masa kita jalankan undang<sup>2</sup> ini. Dia kata siapa yang ada kerja itu tanah mahu beri hak dia memang simpan tanah itu, tetapi saya mahu tahu berapa-kah pekerja<sup>2</sup> dalam negeri Kelantan sudah dapat tanah itu. Sunggoh pun Kerajaan Negeri PAS ada perentah tempat itu lama, tetapi saya tahu banyak pekerja<sup>2</sup> sana belum dapat sedikit pun tanah, tanah government pun pekerja<sup>2</sup> mahu dapat banyak susah. Dia kata orang<sup>2</sup> India banyak sokong Parti PAS, tetapi bila dia mahu tanah sa-keping pun banyak susah dapat. Mana orang India sokong Parti PAS, saya pun tidak tahu.

Dia kata lagi government patut beli estate dan beri menolong kepada pekerja<sup>2</sup>. Tujuan government ia-lah menolong pekerja<sup>2</sup> melalui co-operative dan lain<sup>2</sup> dan government ada menolong kepada National Land Financial Co-operative hendak beli estate<sup>2</sup> yang mana boleh. Kalau kita hendak beli semua estate, dan beri kepada pekerja<sup>2</sup>, itu memang susah. Jadi sebab itu juga kita bawa undang<sup>2</sup> ini. Jadi kita perchaya kalau kita tidak tahan yang tukar atau pun estate<sup>2</sup> yang jual dan orang yang simpan estate itu as a running concern, mana yang dia hendak tukar mahu sub-divide baharu-lah kita hendak champor tangan, bukan tujuan government hendak kachau orang yang jual estate yang besar<sup>2</sup> dengan satu orang dan orang itu hendak jalankan estate itu macham mana yang ada pada masa sekarang dan boleh simpan pekerja<sup>2</sup> itu.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya menambah lagi jawapan yang di-beri kepada Yang Berhormat Tuan Somasundram mengatakan ada broker beli sa-keping tanah, pada hal tanah itu di-beli oleh sa-puluh orang, tetapi kerana hendak mengelakkan daripada menghadapi Lembaga yang di-sebutkan, maka tanah itu di-jual kepada satu orang, kemudian orang itu akan bahagikan kepada

kawan<sup>2</sup>-nya yang sa-puluh orang yang lain. Ini tidak mungkin jadi, sebab apabila broker itu beli dan hendak pechahkan kepada sa-puluh orang lain mesti mendapat kebenaran Lembaga ini juga. Sa-tiap kali pemecahan mesti mendapat persetujuan Lembaga.

Yang Berhormat Puan Bibi Aishah mengatakan pegawai Kerajaan patut boleh memileki tanah. Kerajaan memang membenarkan pegawai Kerajaan memileki tanah dengan syarat minta kebenaran supaya kerajaan tahu berapa banyak tanah yang hendak dibeli. Kalau tidak di-buat peratoran seperti itu di-bimbangkan ada orang yang tidak layak pun membeli tanah dengan chara yang tidak betul.

Lagi sa-kali saya menjawab Yang Berhormat Tuan Amaluddin bin Darus berhubung dengan memberi jaminan kepada kuli<sup>2</sup>, buroh<sup>2</sup> yang ada di-dalam estate supaya mereka itu di-beri pekerjaan apabila estate itu telah dijual.

Kalau sa-kira-nya Kerajaan boleh memberi jaminan seperti itu maka tidak-lah payah undang<sup>2</sup> ini di-bawa ka-mari lagi, boleh-lah pechahkan ladang itu sa-berapa suka sebab tiap<sup>2</sup> orang buroh dapat di-jamin oleh Kerajaan. Oleh kerana tidak dapat di-jamin itu-lah maka di-bawa undang<sup>2</sup> di-sini supaya pembelian<sup>2</sup> ladang jangan menganiayakan buroh<sup>2</sup> yang ada di-dalam estate itu. Beliau men-chadangkan supaya Kerajaan membeli estate<sup>2</sup> dan di-jadikan Rancangan Tanah F.L.D.A. pada masa ini belum ada rancangan seperti itu kerana Kerajaan lebeh suka menggunakan wang yang ada membuka tanah<sup>2</sup> yang baharu. Dengan ada-nya usaha membuka tanah<sup>2</sup> yang baharu, maka bertambah luas tanah pertanian yang dibuka dan lebeh ramai buroh<sup>2</sup> dapat bekerja dan ini-lah satu chara hendak mengurangkan penganggoran di-dalam negeri kita. Kalau sa-kira-nya Kerajaan membeli estate<sup>2</sup> yang telah sedia ada, maka jumlah buroh yang mendapat pekerjaan tidak bertambah, tetapi dengan membuka tanah yang lain maka bertambah banyak buroh

mendapat kerja. Pihak Pembangkang chuma bersuara besar macham halal-lantar supaya konon-nya mereka itu di-anggap pembe'a ra'ayat konon-nya sampai orang Hindu berpaling tidak mengundi PAS. Pada hari ini mereka mengatakan buat itu dan ini hendak hapuskan penganggoran tetapi apabila sampai kepada pelaksanaan apa yang di-ucapkan ini beliau sendiri tidak nampak bahawa rancangan Kerajaan ini-lah sa-baik<sup>2</sup> rancangan bagi hendak menolong mengurangkan penganggoran dalam negeri ini.

Saya chukup suka hati mendengar kata beliau tadi bahawa tanah hendak-lah di-berikan kepada orang<sup>2</sup> yang berkehendakkan tanah. Saya jemput-lah Ahli Yang Berhormat memberikan tanah kepada orang Kelantan, jangan sampai orang Kelantan lari membuka tanah haram di-Trengganu dan di-Kelantan yang memeningkan kepala Menteri<sup>2</sup> Besar kedua<sup>2</sup> Negeri tersebut.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengeruskan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Pendahuluan* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT (USUL)

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun men-chadangkan:

Bahawa sunggoh pun telah ada syarat<sup>2</sup> yang di-tetapkan dalam Peratoran Meshuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan di-tanggohkan sa-hingga semua sa-kali urusan yang ada dalam Atoran Urusan Meshuarat hari ini telah selesai di-binchangkan.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa sunggoh pun telah ada syarat<sup>2</sup> yang di-tetapkan dalam Peratoran Meshuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan di-tanggohkan sa-hingga semua sa-kali urusan yang ada dalam Atoran Urusan Meshuarat hari ini telah selesai di-binchangkan.

## RANG UNDANG<sup>2</sup>

### THE POISONS (SODIUM ARSENITE) (AMENDMENT) BILL

**Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencha-dangkan the Poisons (Sodium Arsenite) Ordinance, 1949, di-bachakan pada kali yang kedua.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-kan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 dan 2* di-perentahkan men-jadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## PENANGGOHAN (USUL)

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencha-dangkan:

Bahawa Majlis Dewan Negara di-tanggohkan sekarang sa-hingga satu masa yang tidak di-tetapkan.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis Dewan Negara di-tanggohkan sekarang sa-hingga satu masa yang tidak di-tetapkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Meshuarat ini di-tanggohkan sa-hingga satu masa yang tidak di-tetapkan.

*Dewan di-tanggohkan pada pukul 4.30 petang.*